



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 13**

**Rabu**

**16 Disember 2020**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MEMILIH TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Halaman	1)
<b>TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH</b>	(Halaman	2)
<b>TIGA ORANG AHLI MENGANGKAT SUMPAAH</b>	(Halaman	3)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>		
- Mengalu-alukan Pelantikan Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara	(Halaman	3)
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman	5)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	5)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	6)
- Pindaan Takwim Persidangan	(Halaman	7)
- Penyelarasan Urusan Persidangan Dewan Negara Berikutan Penularan Wabak COVID-19	(Halaman	7)
- Penubuhan Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara	(Halaman	8)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman	6)

**PENGESAHAN SETIUASAH KEPADA MAJLIS DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 2(7)**

(Halaman 9)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 9)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 10)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2021

(Halaman 30)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 16 Disember 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MEMILIH TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum* Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56(1), Perlembagaan Persekutuan dan Peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(1), Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekarang dengan segala hormatnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan Usul Memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad dipilih menjadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau-yakni Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya membawa Peraturan Mesyuarat 2, yang mengatakan pemilihan Timbalan Tuan Yang di-Pertua sepatutnya dicalonkan oleh Ahli Dewan Negara. Sekali lagi saya bantah.

Mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri- yang bukan Ahli Dewan Negara membuat cadangan Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedap dengarnya pandangan itu, tetapi saya telah meneliti prosiding dan juga Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat di sini, dan ingatan saya masih terang iaitu semasa pencalonan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara tempoh hari, isu ini telah dibangkitkan oleh salah seorang daripada anggota di sini.

Pada masa itu Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara telah memutuskan bahawa, barang siapa yang mengemukakan pencalonan sama ada oleh Perdana Menteri selaku Ketua Majlis atau seorang Menteri yang di bawah peraturan mesyuarat dianggap layak untuk mengemukakan usul, ia diterima pakai sebagai sah.

Saya mengikut peraturan itu dan memutuskan bahawa pandangan Yang Berhormat itu tidaklah dapat diterima dan proses serta prosedur pagi ini diteruskan. Sila, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab hanya seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad dipilih sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

*[Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad masuk ke dalam Dewan, dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian menuju ke rostrum untuk mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia]*

### **TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya, Mohamad Ali bin Haji Mohamad setelah dipilih memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]*

*[Upacara Angkat Sumpah tamat]*

■1010

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua duduk di tempat yang disediakan]*

### **TIGA ORANG AHLI MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing  
(Lantikan semula - Pilihan Dewan Undangan Negeri Sarawak)
2. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai  
(Lantikan semula - Lantikan Agong); dan
3. Yang Berhormat Senator Datuk Guan Dee bin Koh Hoi  
(Lantikan baharu - Lantikan Agong).

*[Upacara mengangkat sumpah tamat]*

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

Begitu juga tahniah kepada ketiga-tiga anggota baharu yang sama-sama kita saksikan sebagai telah mengangkat sumpah. Khusus bagi Timbalan Tuan Yang di-Pertua dapat dikatakan bahawa pengalaman, latar profesionalisme, dan kepakaran Yang Berhormat itu diyakini dapat digembleng sepenuhnya bersama-sama saya, selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan. Bukan hanya dalam soal memandu sidang Dewan ini agar berlangsung secara tertib, licin dan sempurna, tetapi yang lebih penting untuk memastikan Dewan Negara selaku badan legislatif berperanan dengan cemerlang sebagai institusi semak dan imbang, perundangan tertinggi negara.

Tahniah juga dititipkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu sebentar tadi seperti yang disebutkan, yakni Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai- lantikan semula, lantikan Yang di-Pertuan Agong; kedua, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing- lantikan semula, lantikan kerajaan negeri; dan yang ketiga, Yang Berhormat Senator Datuk Guan Dee bin Koh Hoi- lantikan baharu oleh Yang di-Pertuan Agong.

## ■1020

Tentunya pelantikan sebagai Yang Berhormat Senator ini membawa bersama tanggungjawab berat di atas jemala kita. Oleh yang demikian, suka sekali kita memperingatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang pertama kali dilantik, agar menghayati sepenuhnya aspirasi pelantikan sebagaimana Perkara 45, cerai 1 dan 2, Perlembagaan Persekutuan agar tanggungjawab sebagai ahli Senat ini dilunaskan dengan sebaik mungkin.

Sesungguhnya sudah menjadi lumrah, setiap yang bermula pasti ada akhirnya. Dua Ahli Yang Berhormat iaitu bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Halim Abd. Samad, dan bekas Ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah tidak lagi bersama kita kerana sudah tamat tempoh perkhidmatan masing-masing.

Kepada kedua-duanya, Dewan ini mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih atas khidmat cemerlang beliau. Saya penuh yakin dan percaya penyertaan aktif kedua-dua Yang Berhormat selama ini telah dapat membantu meringankan masalah yang ditanggung masyarakat dan negara.

*Alangkah dingin menjelang senja;  
Mentari terbenam ufuk barat;  
Doa kami ikhlas untuk kalian berdua;  
Moga di dunia hingga akhirat... [Tepuk]*

Pada masa yang sama, sementara peranan Parlimen ini bersifat *bicameral* atau dua tingkatan, Dewan Negara diharapkan dapat menjadi pengimbang yang matang kepada keputusan Dewan Rakyat. Menjadi tujuannya juga supaya Dewan Negara dapat menurunkan suhu politik kepartian yang sentiasa panas di Dewan Rakyat, dengan membahaskan rang undang-undang, atau hal-hal berbangkit berkenaan negara secara lebih neutral, dengan berpaksikan budi yang baik.

Justeru, disebut sedikit tentang budi ataupun dalam bahasa Inggeris *virtue*. Marilah kita bersama-sama mengingati bahawa kita pemimpin, dan kita berada sebagai pati santan dalam makanan tradisional. Jika begitu, perlu kita letakkan keadaan yang tertinggi-kepercayaan serta kemampuan kita agar Dewan Negara ini tidak seperti mana-mana institusi yang akhir-akhir ini dapat kita lihat, telah berkecamuk nilai-nilainya semasa berbahas.

Jika seorang murid melihat seseorang Ahli Parlimen itu berucap ataupun menggunakan isyarat yang lucah, maka di mana letaknya kewibawaan kepimpinan di negara kita. Apa jenis tamsil atau ibarat, ataupun contoh, kepada generasi akan datang.

Justeru, Ahli-ahli Dewan Negara perlu menunjukkan kewibawaan masing-masing. Kemampuan kita, dan ketelusan kita untuk berjuang, memberi sesuatu perbandingan yang boleh sama-sama dipatuhi dan dinilai. Sekian, terima kasih.

### **MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberi maklum kepada Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan, pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 1 Disember 2020:**

- (i) Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu  
(Lantikan semula - Lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan
- (ii) Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook  
(Lantikan semula - Lantikan Yang di-Pertuan Agong)

Terima kasih.

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dengan limpah kurnia Baginda memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan Tambahan (2019) 2020;
- (ii) Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020;
- (iii) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020;
- (iv) Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020;
- (v) Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020;
- (vi) Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020;
- (vii) Akta Insolvensi (Pindaan) 2020;
- (viii) Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020;
- (ix) Akta Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020; dan

- (x) Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Sekian.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Oleh itu saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan tersebut.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“15 Disember 2020

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut, dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) DR16/2020 Rang Undang-undang Perbekalan 2021

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

### **URUSAN MESYUARAT**

**Datuk Shabudin Yahaya [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.



## PINDAAN TAKWIM PERSIDANGAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Ketua Majlis, menurut Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, supaya takwim Mesyuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang dipinda, dengan menambah sebanyak dua (2) hari lagi iaitu pada Isnin, 28 Disember 2020, dan hari Selasa, 29 Disember 2020.

Saya meminta Setiausaha Dewan supaya mengedarkan Pindaan Takwim tersebut serta butirannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

## PENYELARASAN URUSAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19

### ■1030

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan pandemik COVID-19 ketika ini seakan tidak reda dan dilihat masih meningkat. Sehubungan dengan itu, saya telah mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasan Urusan Dewan Negara pada 10 September 2020 yang lalu bagi membincangkan langkah-langkah pencegahan dalam memastikan Persidangan Dewan Negara dapat dilaksanakan dengan selamat dan lancar.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), beberapa orang Ahli Dewan Negara, wakil Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, wakil Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, wakil Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta pegawai-pegawai kanan Parlimen Malaysia.

Setelah mendengar dan mengambil kira pandangan serta nasihat daripada pihak berkenaan, saya serta ahli-ahli mesyuarat tersebut secara muafakat telah bersetuju dengan keputusan-keputusan seperti berikut:

- (i) waktu Persidangan Dewan Negara adalah dari pukul 10 pagi hingga pukul 2 petang secara terus menerus diputuskan melalui Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri;
- (ii) Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan ditetapkan selama satu (1) jam sahaja, hanya satu (1) soalan tambahan dibenarkan; dan
- (iii) Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 selama tiga (3) hari iaitu 16, 17 dan 21 Disember 2020. Menteri-menteri akan mula

menjawab selama dua (2) hari iaitu pada 22 dan 23 Disember 2020. Manakala dua (2) hari diuntukkan bagi perbahasan rang undang-undang serta urusan kerajaan yang lain iaitu pada 28, dan 29 Disember 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mohon jasa baik dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard Persidangan Parlimen yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kebaikan kita bersama.

Langkah-langkah yang diambil ini adalah untuk tempoh sementara sahaja demi mengimbangkan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dengan kepentingan menjaga kesihatan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa berada di Parlimen berikutan penularan wabak COVID-19 ketika ini. Ia adalah demi kebaikan dan kemaslahatan semua pihak agar kita bersama-sama terhindar daripada wabak yang membawa maut ini.

### **PENUBUHAN KAUKUS KESEJAHTERAAN RAKYAT DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Pemilihan Dewan Negara telah bermesyuarat pada hari Khamis, 15 Disember 2020, dan telah sebulat suara bersetuju menubuhkan sebuah kaukus yang dinamakan "Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara" bagi menggantikan Kaukus Dewan Negara terdahulu.

Kaukus ini berperanan mencadang, meneliti, menimbang dan mengesyorkan hal-hal berkaitan kesejahteraan rakyat supaya peranan Dewan Negara dimulihkan terus, dan dinilai oleh rakyat. Di samping itu juga, apa-apa hal yang berkaitan dengan kesejahteraan kehidupan rakyat di negara akan dapat kita secara langsung berinteraksi dan membuat syor-syor seperti yang dikesankan dalam keputusan mesyuaratnya.

Saya turut ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada bekas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri S. A Vigneswaran, dan Pengerusi Kaukus terdahulu Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff di atas segala inisiatif dan usaha-usaha yang telah digerak-kerjakan.

Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara ini saya pelopori bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain, dan selaku Penasihat serta dianggotai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris - Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad - Timbalan Pengerusi;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz;
- (iv) Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin;
- (v) Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu;
- (vi) Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong;
- (vii) Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop;
- (viii) Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu;
- (ix) Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili;
- (x) Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind; dan
- (xi) Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

Oleh yang demikian, saya membuat perintah supaya Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara Bilangan DN.2/2020 dibentangkan di dalam Mesyuarat ini.

### **PENGESAHAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 2(7)**

**Setiausaha:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(7), dan susulan daripada pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 2 September 2020 yang lalu, saya dengan ini mengesahkan kepada Majlis, bahawa Kertas-kertas Undi bagi pemilihan tersebut telah pun dibakar. Terima kasih.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.37 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**

**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Walau apa pun Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara bermula 16 hingga 29 Disember 2020, bersidang dari pukul 10 pagi sehingga 2 petang.”

**Timbalan Menteri Alam Sekitar [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana yang telah dimaklumkan sebentar tadi, Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan ditetapkan selama satu (1) jam sahaja.

Sehubungan itu, saya membuat petua seperti berikut bagi Pertanyaan Lisan hanya tiga (3) minit diuntukkan bagi Yang Berhormat Menteri untuk menjawab pertanyaan asal. Justeru, amat penting bagi Yang Berhormat Menteri meneliti teks jawapannya, dan sekiranya begitu panjang lebar sehingga melepasi had tiga (3) minit, hendaklah dengan bijaksana membuat editnya.

Kedua, pertanyaan tambahan pula hanya 30 saat untuk diajukan oleh Yang Berhormat yang ingin bertanya, dan satu (1) minit 30 saat untuk Yang Berhormat Menteri menjawab.

Diharap agar petua ini boleh sekurang-kurangnya menyelesaikan sehingga giliran pertanyaan ke-12 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat*, dan pegawai yang bertanggungjawab atas penentuan masa, haruslah cekap dan siaga. Terima kasih.

Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan, Yang Berhormat Tuan Haji Idris bin Ahmad.

#### **■1040**

1. **Tuan Haji Idris bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana kesiapsiagaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk melaksanakan PRU dalam suasana kebiasaan baharu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan juga pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia ataupun SPR adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil apabila berlakunya pembubaran atau kekosongan Parlimen ataupun DUN semasa tempoh pasca COVID-19.

Dalam hal ini, SPR dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara telah merangka dan menyediakan satu *Standard Operating Procedure* ataupun SOP yang jelas iaitu garis panduan pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan pilihan raya sama ada PRU ataupun PRK. Ia disesuaikan selaras dengan arahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan ataupun PKP semasa di bawah Akta 34(2) yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan seperti yang telah dilaksanakan dalam pilihan raya sebelumnya iaitu PRK DUN N23 Chini, PRK DUN N58 Slim, dan PRU DUN Sabah Ke-16.

Garis panduan ini mencakupi semua proses pelaksanaan pilihan raya iaitu taklimat petugas pilihan raya, hari penamaan calon, proses cetakan dan semakan kertas undi, proses pengeluaran penerimaan dan pengiraan undi pos, hari semakan peti undi, tempoh berkempen, hari undi awal dan juga undi biasa serta penjumlahan rasmi undi.

Antara langkah-langkah pencegahan COVID-19 untuk pelaksanaan pilihan raya adalah seperti berikut iaitu yang pertama, pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti. Kedua, kawalan kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah yang paling minimum di mana tidak menjejaskan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter.

Selain daripada itu, penggunaan QR kod dan aplikasi MySejahtera juga, dan buku catatan disediakan. Kemudian, saringan suhu hendaklah tidak melebihi 37.5 darjah *celsius* di mana sekiranya ada gejala batuk, sakit tekak dan susah nafas tidak akan dibenarkan masuk ke premis tersebut dan dikehendaki meninggalkan premis itu dengan segera. Penjarakan fizikal di premis perlu dilaksanakan di mana susunan atur meja di setiap premis yang digunakan disusun dengan jarak dua meter. Manakala, jarak individu- satu meter.

Selain daripada itu, penggunaan *hand sanitizer*, sarung tangan dan penggunaan *face mask* akan dikuatkuasakan dan pengundi bergejala hendaklah diasingkan daripada pengundi-pengundi lain. Selain daripada itu, penganjuran sebarang bentuk ceramah, syarahan dan perhimpunan tidak dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah sampai masa, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya:** Oleh yang demikian, SPR telah pun memberi jaminan bahawa pelaksanaan pengundian berjalan mengikut peraturan yang telah pun ditetapkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Tuan Idris bin Ahmad:** Lewat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lewat. Yang Berhormat bangun ini?

**Tuan Idris bin Ahmad:** Saya ingat panggil dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Idris bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Andai kata berlaku juga PRU dan rakyat kebanyakannya tidak mahu turun mengundi dan apakah usaha pihak

kerajaan untuk pastikan bilangan pengundi ini tidak turun secara mendadak? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Senator Tuan Idris. Sebenarnya pihak SPR telah pun mempunyai perancangan untuk menggalakkan pengundi turun dengan jumlah yang maksimum di mana peraturan-peraturan yang akan diperkenalkan ialah dengan membanyakkan tempat-tempat atau pun pusat daerah mengundi dan juga membanyakkan saluran-saluran mengundi. Oleh yang demikian, proses pengundian akan berjalan dengan lebih segera dan akan selesai lebih awal.

Jadi, ini memberi satu jaminan dan keyakinan kepada pengundi-pengundi bahawa mereka akan dapat melalui atau melaksanakan proses pengundian dengan lebih cepat, lebih sempurna dan *insya-Allah* akan terselamat daripada gejala COVID-19 tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Soalan saya nombor dua.

**2. Puan Hajah Sabani binti Mat** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah usaha-usaha dan kejayaan yang telah dicapai oleh pihak kementerian hasil pengumuman pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang sangat baik dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Sabani binti Mat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana kita sedia maklum. Pandemik COVID-19 ini melanda negara dan juga seluruh dunia yang memberi kesan yang besar kepada ekonomi global buat masa ini.

Jadi, bagi menstabilkan ekonomi negara dan membantu majikan yang terkesan dapat mengekalkan pekerjaan mereka, kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah pakej prihatin dan berusaha bersungguh-sungguh dan untuk membantu rakyat yang terkesan dengan pemberhentian kerja dan juga pembuangan pekerja dan juga syarikat-syarikat yang terkesan teruk akibat daripada pandemik COVID-19 ini iaitu program pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN. Sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika pembentangan Belanjawan 2021 pada dua, tiga minggu yang lalu.

Jadi, inisiatif yang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut. Pertama sekali pelaksanaan *Employment Retention Program* ataupun ERP, Tuan Yang di-Pertua. Maklumat

ini sehingga 27 November 2020. Daripada maklumat yang telah dibekalkan oleh PERKESO yang merupakan agensi terpenting yang diberi kepada KSM oleh kerajaan di mana PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia.

PERKESO telah menerima 37,901 permohonan daripada majikan yang telah melibatkan 340,252 orang pekerja yang terlibat di mana perbelanjaan yang sebenar daripada 37,901 ini, sebanyak RM211.33 juta telah dimanfaatkan oleh para pekerja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dengar tidak loceng, ada dengar tidak?

**Tuan Awang bin Hashim:** Masa saya sudah habis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu, sebab peraturan ini baharu sebab kita tidak begitu selesa lagi. Jadi, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri juga membiasakan agar mengedit jawapan itu menjadikannya sebagai inti pati jawapan sahaja.

**Tuan Awang bin Hashim:** Itu tidak betul tadi tu. Saya baharu cakap pun tidak sampai satu minit lagi pun. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengingatkan. Loceng yang pertama. Jadi, semasa saya mengulas ini, Yang Berhormat tolak lah.

**Tuan Awang bin Hashim:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mula balik nombor satu minit 30 saat. Tidak *aci* diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Okey, baik saya teruskan. Kalau tidak sempat saya jawab bertulis. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Okey, seterusnya Program Subsidi Upah yang mana dipanggil PSU 2.0. Maklumat ini dibekalkan oleh PERKESO telah menerima sebanyak 77,882 permohonan majikan yang melibatkan 782,904 orang pekerja sebanyak RM239.35 juta telah dimanfaatkan oleh pekerja hasil daripada program yang diusahakan oleh kerajaan.

Di bawah program insentif pengambilan pekerja iaitu *Hiring Incentive Program*, dan program latihan yang dilaksanakan oleh kementerian sehingga 27 November adalah seperti berikut.

Pertamanya program *My Apprentice* yang melibatkan 5,808 orang perantis telah berjaya ditempatkan sebagai pekerja. Program *Hire Malaysia* di mana seramai 72,505, minta izin sebab disebut dalam program ini dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, bantuan mobiliti pengambilan pekerja. Saya ingat masa sudah tamat. Saya patuh pada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya akan jawab bertulis kepada Puan Sabani. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu tadi. Cuma soalan saya, adakah terdapat sebarang skim perlindungan dilaksanakan oleh pihak kementerian sebagai usaha untuk melindungi pekerja yang terbabit dalam kemalangan atau pun penyakit semasa menjalankan pekerjaan dari rumah? Ini

terutamanya dalam sektor swasta sebagai salah satu sokongan terhadap Sistem Kerja Anjal yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika pandemik.

■1050

**Tuan Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih kepada soalan tambahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani. Memang ada usaha dalam kita menghadapi COVID-19 ini di mana pekerja-pekerja menghadapi masalah. Pertamanya, lima skim telah dilaksanakan oleh kerajaan;

- (i) *Train and Place;*
- (ii) *B40 Development;*
- (iii) *SME Development;*
- (iv) *Industrial Revolution 4.0;* dan
- (v) Gerak Insan Gemilang (GIG).

Seperti mana *foodpanda*, *rider Grab* yang kita ada sekarang ini. Itulah kita hendak mengisi peluang mereka mendapatkan pendapatan.

Seterusnya skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat dalam mendapat penempatan pekerjaan semula. Skim yang dilaksanakan, lima perkara yang saya sebut tadi, pertamanya ia agak detil. Satu-satu skim ini ia agak detil bagi memahami mereka yang terlibat dalam *retrenchment* ataupun pembuangan kerja ataupun mencari kerja. Jadi sepatutnya kita jawab dalam jawapan bertulis juga lah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, skim-skim ini setakat 27 November, HRDF ataupun PSNB telah meluluskan sebanyak 67,255 orang pelatih bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri. Sekarang kita telah melancarkan Orang Bekerja Sendiri (OBS), juga boleh mencarum. Petani, nelayan, penoreh getah dan kelapa sawit yang tidak ada majikan. Mereka juga boleh mencarum untuk membantu mereka untuk masa depan sekiranya berlaku sesuatu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Haji Ahmad bin Yahya** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, langkah segera serta berkesan yang diambil bagi mengatasi masalah benih padi yang sering berulang hampir setiap musim penanaman padi.

**Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, bertarikh 17 Disember 2020, kerana menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara masalah benih sah yang dikenal pasti sering berlaku adalah seperti berikut:



- (i) manipulasi harga benih oleh agen dan orang tengah kerana tiada kawalan harga dan ketidaklibatan kerajaan dalam transaksi di pintu kilang; dan
- (ii) masalah kekurangan bekalan bagi *variety* tertentu disebabkan oleh pertukaran pesanan yang dibuat oleh pesawah.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah meneliti isu pengedaran benih padi sah ini dan setelah bertemu dengan pemegang taruh yang berkaitan telah merangka hala tuju dan penambahbaikan program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) ini. Kementerian akan melaksanakan beberapa inisiatif bermula pada tahun 2021 seperti berikut:

- (i) melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam program IBPS;
- (ii) pelantikan NAFAS juga akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan;
- (iii) lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan;
- (iv) penetapan beberapa *variety* benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluaran benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah; dan
- (v) menyediakan strok penimbal benih padi sah bagi menangani isu kekurangan bekalan benih padi sah di luar jangka.

Justeru itu, mekanisme penstrukturan semula keseluruhan rantai nilai yang dilakukan oleh kementerian ini adalah untuk menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka.

Pada masa yang sama, langkah-langkah penyelesaian ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang. Ia penting bagi mengelakkan dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya dan sektor padi beras secara umumnya. Sekian.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin meminta penjelasan tentang krisis penyusutan kawasan padi yang tiada kawalan pada masa kini dan juga saya ingin tahu apa status mengenai Kota Belud sebagai jelapang padi yang terkini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu terkeluar daripada soalan asal Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tentang penyalahgunaan dadah memberi kesan langsung kepada kesihatan penagih dan

mendatangkan kemudahan terhadap keselamatan dan kesejahteraan ahli keluarga. Apa usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar penyalahgunaan dadah, selain daripada melalui pendidikan pencegahan dan rawatan pemulihan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Salam hormat Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri amat serius dalam menangani penyalahgunaan dadah dan telah melaksanakan pelbagai tindakan yang merangkumi tiga buah teras utama di bawah Dasar Dadah Negara iaitu pendidikan, pencegahan, rawatan dan pemulihan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat dan negara bebas dadah.

Selain pendidikan, pencegahan, rawatan dan pemulihan, aspek penguatkuasaan merangkumi tindakan kertas aduan dan risikan, operasi dan penangkapan serta siasatan dan pendakwaan. Berikut merupakan strategi pelaksanaan yang sedang dan telah dilaksanakan.

Pertama, melaksanakan Ops Cegah. Di bawah Ops Cegah ini pihak AADK telah menahan seramai 42,909 orang yang telah disahkan positif dadah hasil ujian saringan awal di mana mereka akan diberikan rawatan dan pemulihan, sama ada dalam institusi atau pengawasan dalam komuniti.

Kedua, melaksanakan Ops Bersepadu. Di bawah Ops Bersepadu ini, seramai 41,176 orang telah disahkan positif dadah hasil ujian saringan awal yang dijalankan pada tahun 2019 sehingga Oktober 2020.

Ketiga, penguatkuasaan berskala ke atas orang yang kena pengawasan. Di bawah penguatkuasaan berskala ini, pada 2019 sehingga Oktober 2020 seramai 68,093 yang kena pengawasan telah dibuat ujian saringan urin.

Keempat, penubuhan pusat gerakan *hotline*. Langkah penguatkuasaan yang diketatkan melalui penubuhan pusat gerakan *hotline*, nombor telefon 03-89112293 yang beroperasi 24 jam. Pusat gerakan ini bertujuan meningkatkan mutu dan perkhidmatan AADK dalam menangani aduan orang awam yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan memberi khidmat nasihat berkenaan rawatan fasiliti.

Di samping itu juga terdapat inisiatif program rintis yang telah dijalankan di mana 12 buah kawasan berisiko tinggi telah dijalankan berkaitan dengan pembasmian penyalahgunaan dadah. Program ini telah berjaya dan sebab itu cadangan lagi kepada 155 buah kawasan tumpuan supaya kawasan-kawasan berisiko tinggi ini dapat dikurangkan penyalahgunaan dadah di kawasan tersebut.

Di samping inisiatif yang dijalankan oleh pihak AADK, pihak PDRM juga membuat beberapa langkah untuk membanteras dadah melalui langkah-langkah tersebut iaitu mempertingkatkan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang dan perlucutan hak ke atas individu. Beberapa langkah lain dan jawapan bertulis akan diberikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Cuma saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri, jika komitmen untuk memberi jawapan bertulis, mohon supaya dapat diperakukan oleh Setiausaha Dewan agar itu tidak hanya menjadi komitmen lisan tetapi terbukti. Terima kasih.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Boleh tanya soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Soalan tambahan. Di FELDA-FELDA telah sekian lama menjadi boleh dikatakan sarang penagihan dadah. Jadi adakah langkah-langkah tertentu yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Sebab saya rasa masalah ini terlalu lama di FELDA-FELDA. Terima kasih.

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Yang Berhormat, sebenarnya memang di mana-mana kawasan termasuklah di kawasan FELDA, jika kawasan tersebut memang banyak rungutan bahawa terdapat penyalahgunaan dadah, sudah tentu pihak AADK akan mengambil tempat itu untuk dijadikan sebagai tempat di mana beberapa program yang dilaksanakan di bawah AADK dilaksanakan. Program rintis juga adalah program yang boleh dijalankan di tempat-tempat yang berkenaan jika terdapat laporan bahawa kawasan tersebut sangat tinggi kadar penyalahgunaan dadah di tempat berkenaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1100

**5. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan mengambil vaksin COVID-19 (sekarang ini belum diterima) bagi mengawal gelombang pandemik COVID-19. Bagaimanakah menangani propaganda anti-vaksin yang boleh memudaratkan usaha KKM menangani penularan pandemik ini?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia dan juga Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang merupakan jawatankuasa induk di dalam merancang, melaraskan, melaksana dan memantau keseluruhan strategi pembekalan vaksin COVID-19.

Menerusi JKJAV ini telah dibentuk sebuah Jawatankuasa Kecil Komunikasi yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sains, teknologi dan Inovasi dan Kementerian Kesihatan Malaysia berperanan untuk merangka sebuah pelan komunikasi strategik serta menyampaikan fakta dan maklumat yang tepat berkenaan dengan vaksin COVID-19 kepada rakyat.

Jawatankuasa kecil komunikasi ini telah mengenal pasti beberapa kategori kumpulan dalam tahap kepercayaan terhadap vaksin COVID-19. Pertamanya, kumpulan minoriti

penentang vaksin yang tegar ataupun kumpulan antivaksin yang terang-terangan menolak vaksin, dan sukar untuk mengubah pendapat dan pendirian mereka mengenai hal-hal berkaitan dengan vaksin.

Kedua, kumpulan masyarakat yang yakin akan pentingnya vaksin yang telah pun mengambil vaksin, dan akan mengambil vaksin COVID-19 tanpa ragu-ragu. Kumpulan ini kumpulan yang paling besar di dalam negara kita, dan pendapat mereka tidak mudah terjejas oleh propaganda antivaksin.

Ketiga, kumpulan yang berada di tengah-tengah iaitu kumpulan yang, dengan izin, *vaccine hesitancy group* yang mempunyai keraguan terhadap vaksin terutamanya vaksin COVID-19. Akan tetapi, kumpulan ini tidak menolak vaksin secara langsung. Kumpulan *vaccine hesitancy group* ini lebih mudah percaya atau boleh terjejas kepercayaan mereka dengan mudah apabila terdedah dengan mesej-mesej dan propaganda daripada golongan antivaksin.

Justeru, strategi komunikasi proaktif melalui penggunaan pelbagai platform dan media komunikasi sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan bagi memberi penerangan yang jelas kepada rakyat berkaitan kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 yang dijangka diperoleh negara pada suku pertama tahun hadapan. Bagi memastikan penyampaian maklumat ini dibuat secara menyeluruh, pelan komunikasi yang dirangka ini juga akan turut melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agamawan, ketua komuniti dan pihak swasta.

Selain daripada memberi maklumat-maklumat saintifik dan sahih dari sudut kesihatan, Jawatankuasa kecil Komunikasi ini juga turut dianggotai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang akan memberi fokus di dalam menyampaikan penerangan berkaitan dengan vaksin dari sudut pandangan hukum hakam syarak termasuk isu halal yang menjadi perhatian utama orang Islam di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan akta-akta penguatkuasaan undang-undang bagi mereka yang tidak mahu menerima vaksin ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Terima kasih. Sebahagian daripada serangan propaganda vaksin ini sedang dipantau oleh kerajaan. Terutamanya kumpulan-kumpulan tertentu yang menggunakan media sosial.

Dalam hal ini, MOSTI sentiasa berhubung dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan membincangkan antara lain termasuklah kemungkinan diperkenalkan undang-undang yang tertentu sekiranya perlu bagi membendung mesej-mesej yang negatif ini dan maklumat yang tidak sahih terus meracuni pemikiran masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Soalan nombor enam telah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin.

7. **Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada kajian dan pelan tindakan sudah dirancang terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dengan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 bagi meminimumkan kesan terhadap pembangunan pendidikan pelajar dan mencapai hasrat pendidikan negara

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran terjejas semasa pandemik COVID-19. Untuk itu, KPM telah merancang melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan sesi PdP terus berjalan seperti berikut.

Pertama, melaksanakan penjajaran kurikulum yang sedia ada. Penjajaran kurikulum merupakan penyusunan kandungan pedagogi serta pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran.

Melalui kurikulum yang telah diujarkannya itu, guru boleh merancang PdP dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun ataupun *blended learning*, menyediakan Manual Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) untuk membantu guru merancang dan melaksanakan proses PdP secara optimum dengan menggunakan pendekatan secara dalam talian, luar talian dan *off-side*.

Berdasarkan rekod KPM pada 29 November 2020, sebanyak 61 peratus PdPR dijalankan secara dalam talian, sebanyak 13 peratus secara luar talian, dan sebanyak 26 peratus gabungan kedua-dua pendekatan tersebut. Pendekatan PdPR luar talian yang banyak digunakan ialah dengan kaedah modul iaitu sebanyak 33 peratus, kaedah projek sebanyak empat peratus dan lain-lain kaedah sebanyak 63 peratus.

Ketiga, menyediakan pelantar pembelajaran digital *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang menyediakan pelbagai sumber pendidikan seperti buku teks digital, modul, panduan dan sumber-sumber lain seperti video pendidikan dan bahan pembelajaran dalam bentuk gamifikasi.

Keempat, bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di saluran TV Okey RTM, *Tutor TV Astro* dan NTV7.

Kelima terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merancang pelaksanaan Program Transisi Tahun Satu 2021 sebagai usaha memastikan murid Prasekolah Tahun 2020 bersedia dengan keupayaan membaca, menulis dan mengira. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, atas jawapan. Namun begitu, saya ingin membangkitkan satu persoalan yang penting iaitu berkaitan dengan pendidikan pada hari ini. Saya nampak keterlibatan ibu bapa sangat penting dalam menjayakan pendidikan untuk mencapai dasar dan falsafah negara.

Contohnya, kalau saya sendiri, saya ada anak kecil, guru-guru memberikan kerja, tetapi saya nampak guru-guru sendiri pun masih keliru lagi dengan pedagogi. Memberikan kerja dan suruh mengisi *google form* dan pada masa yang sama memohon ibu bapa. Kita tidak ada panduan yang jelas kepada ibu bapa tentang PdP, dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan semua guru terdedah kepada teknologi pendidikan dan juga melibatkan ibu bapa, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh KPM untuk membantu mereka mempelajari kaedah pengajaran secara dalam talian. Contohnya, melalui sesi *webinar* oleh KPM, modul komuniti guru, *digital learning* dalam pelantar DELIMa KPM yang dilakukan secara kerjasama dengan UNICEF dan juga dengan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21. Terima kasih.

**8. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Kewangan menyatakan, status hutang Kerajaan Malaysia berhubung projek-projek mega yang dibatalkan oleh Kerajaan PH.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek yang sebelum ini ditangguhkan semasa Kerajaan PH seperti Transit Aliran Ringan (LRT 3), *Mass Rapid Transit 2* (MRT 2), dan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sudah pun diteruskan dengan skop dan kos yang telah ditambah baik.

Pada masa yang sama, terdapat juga beberapa projek seperti Projek Keretapi Laju KL- Singapura (HSR), Projek *Trans-Sabah Gas Pipeline* (TSGP), *Mass Rapid Transit 3* (MRT 3), dan Projek *Multi-Product Pipeline* (MPP) yang masih dalam proses rundingan untuk diteruskan semula.

Sehingga kini kerajaan tetap meneruskan obligasi pembayaran hutang seperti yang terkandung dalam perjanjian-perjanjian yang berkenaan. Terima kasih.

■1110

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi sebenarnya projek yang dibatalkan. Akan tetapi walaupun begitu Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan, adakah hutang-hutang negara sekarang ini berada di tahap

yang dibenarkan? Seperti yang Tuan Yang di-Pertua maklum, bahawa hutang negara mempunyai had keperlembagaan dan undang-undang, tidak boleh melebihi 55 peratus dibandingkan dengan GDP. Jadi mungkin saya melihat Yang Berhormat Menteri juga di dalam temu bual-temu bual tertentu banyak membangkitkan isu ini. Mohon penjelasan. Adakah hutang negara ini berada dalam had yang dibenarkan?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan tadi, status kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan, berdasarkan had statutori di bawah Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus) 2019 [Akta 830], ia meliputi instrumen MGS, MGII dan juga MITB. Nisbah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir bulan yang lepas, November 2020 - RM818.2 bilion yang bersamaan dengan 56.8 peratus KDNK. Oleh itu paras hutang ini berdasarkan had statutori masih lagi di bawah had 60 peratus KDNK yang ditetapkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**9. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, jumlah peserta dan keluasan kawasan tanaman kelapa sawit yang telah menerima persijilan MPOB serta usaha MPOB dalam membantu penanam kelapa sawit pada komuniti Orang Asli di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Selamat pagi, salam sejahtera kepada semua Ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, setakat 14 Disember 2020, 31.82 peratus ataupun sebanyak 311,739.51 hektar daripada jumlah 986,331 hektar yang merupakan kawasan sawit oleh pekebun kecil persendirian telah dipersijilkan dengan MSPO. Ini melibatkan 93,255 orang pekebun kecil persendirian di seluruh negara.

Bagi pekebun kecil tersusun, jumlah kawasan sawit yang telah dipersijilkan MSPO adalah seluas 67,583.9 hektar, bersamaan dengan 98.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman sawit pekebun kecil tersusun di Malaysia sebanyak 681,532. Ini melibatkan seramai 231,017 orang pekebun kecil tersusun.

Bagi sektor ladang, sebanyak 3,761 buah ladang kelapa sawit telah dipersijilkan dengan MSPO meliputi kawasan tanaman kelapa sawit seluas 4,223,794 hektar. Jumlah ladang yang telah dipersijilkan dengan MSPO ini merangkumi 99.8 peratus daripada jumlah keseluruhan ladang yang ada di Malaysia.

Secara keseluruhannya, 88.21 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam sawit di Malaysia yang telah dipersijilkan dengan MSPO dengan keluasan sebanyak 5,207,117.41 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan agenda utama nasional untuk memastikan setiap pekebun kecil sawit dipersijilkan dengan MSPO bagi menjamin pasaran minyak sawit di peringkat global, penglibatan pekebun kecil daripada komuniti Orang Asli turut menjadi fokus kerajaan. Seramai 8,177 orang pekebun kecil Orang Asli dengan keluasan sebanyak 17,951.16 hektar telah 100 peratus mencapai pensijilan dengan MSPO. Antara program yang melibatkan komuniti ini Jom MSPO Orang Asli yang telah diadakan di seluruh negara sejak tahun 2017 bagi meningkatkan kesedaran pekebun kecil dalam kalangan Orang Asli untuk menyertai MSPO.

Kita di peringkat kementerian dan juga di peringkat kerajaan akan terus membantu untuk memperdayakan golongan Orang Asli di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

**10. Datuk John Ambrose** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, status terkini pembinaan tiga kapal induk APMM yang akan digunakan bagi meningkatkan operasi di perairan negara dalam usaha mencegah aktiviti pencerobohan bot nelayan asing.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga berakhir November 2020, kemajuan pembinaan ketiga-tiga kapal induk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia secara keseluruhannya telah mencapai 71.7 peratus dan penyerahan ketiga-tiga kapal akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2021 dan akan selesai sepenuhnya pada pertengahan tahun 2022. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk John Ambrose:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, berapakah kos yang terlibat dalam membina kapal APMM tersebut berbanding dengan kapal-kapal APMM yang sebelum ini?

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sebenarnya telah keluar daripada soalan. Namun saya ingin memberikan sedikit pencerahan iaitu nilai kontrak pembinaan kapal tersebut sebenarnya menelan belanja lebih kurang RM733 juta lebih tetapi ia telah dipinda kepada angka lebih kurang RM710 juta tanpa CP. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi.

**11. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah usaha kementerian dalam mengatasi masalah psikologi dan mental ibu bapa khususnya yang mempunyai anak-anak OKU yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini, serta adakah sistem sokongan yang disediakan oleh kementerian buat keluarga yang mempunyai anak OKU.



**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, KKM dengan kerjasama MERCY Malaysia telah mewujudkan perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial bagi memberikan perkhidmatan sokongan dan kaunseling kepada masyarakat termasuklah ibu bapa yang mempunyai anak-anak daripada golongan OKU. Perkhidmatan kaunseling melalui telefon ini diberikan oleh pasukan yang terdiri daripada pegawai psikologi kaunseling terlatih termasuk bantuan *psychological first aid* untuk membantu mereka yang memerlukan.

Ditambah dengan usaha-usaha lain seperti mewujudkan pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial di setiap daerah, membangunkan bahan-bahan pendidikan kesihatan mental dan *psycho education*, bekerjasama dengan pihak agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM serta NGO seperti *Women's Aid Organization* dan *Mental Illness Awareness Support Association* (MIASA), melaksanakan saringan kesihatan mental menggunakan instrumen DASS iaitu instrumen *depression*, *anxiety* dan *stress screening* yang dibuat di klinik kesihatan melalui perkhidmatan perawatan domisiliari.

Seterusnya intervensi awal di klinik kesihatan yang meliputi teknik relaksasi dan kaunseling. Juga perkhidmatan kesihatan seperti *medical outreach* diberikan kepada mereka yang digelar OKU dan penjaga untuk hadir ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Selain itu jawatankuasa bagi setiap PDK diwakili oleh anggota kesihatan yang memberi peranan khidmat nasihat, bimbingan dan juga kepakaran kepada OKU serta penjaga yang meliputi kesihatan mental.

Akhir sekali, Talian Kasih 15999 dan Talian Khas Kaunseling COVID-19 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan perkhidmatan tele-kaunseling selama 24 jam dilakukan setiap hari dan ia dilaksanakan merupakan satu inisiatif untuk membantu masyarakat dalam menangani kesihatan mental. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

■1120

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan, apa rancangan pihak kementerian dalam mengatasi gangguan tekanan pasca trauma- *post-traumatic stress disorder* (PTSD), akibat kesan psikologi pasca kuarantin ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepanjang PKP yang dilaksanakan dari bulan Mac sehingga sekarang, kita menerima banyak panggilan yang saya sebutkan tadi. Saya nyatakan di sini bahawa sehingga 1 Disember 2020, 43,078 panggilan telah kita peroleh. Antara perkara yang disebut untuk dibantu ialah seperti hilang

pekerjaan, tiada sumber pendapatan, konflik keluarga, masalah hubungan interpersonal, stigma terhadap jangkitan.

KKM telah pun menubuhkan jawatankuasa bersama NGO dan kementerian lain supaya semua perkara yang dibangkitkan itu dapat dilaksanakan dan *outreach* dilaksanakan kepada semua 542 PDK di seluruh negara untuk dikunjungi oleh pegawai kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong.

**12. Tuan Liew Chin Tong** minta Perdana Menteri menyatakan, peratusan dan butiran mengenai pencapaian dan perkara yang belum dilaksanakan oleh kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah baik NACP 2019-2023.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong, kerajaan akan meneruskan keputusan dasar yang dicapai sebelum ini dalam usaha membanteras rasuah di Malaysia. Kerajaan juga akan meneruskan usaha meningkatkan tadbir urus dan integriti melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi memastikan hasrat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sempena pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, pada 18 Mei 2020 melalui Titah Baginda, juga telah menyarankan agar kerajaan untuk terus komited dalam melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Sehingga 31 Mei 2020, sebanyak 29 inisiatif telah diselesaikan, dilaksanakan iaitu 25 peratus daripada 115 inisiatif tersebut.

Merujuk kepada enam strategi dalam NACP berkenaan, berikut adalah ulasan ke atas pencapaian yang diperoleh setakat 31 Mei 2020, bagi:

- (i) tadbir urus politik sebanyak 12 inisiatif;
- (ii) pentadbiran sektor awam sebanyak tiga inisiatif;
- (iii) sektor perolehan awam sebanyak empat inisiatif;
- (iv) perundangan dan kehakiman sebanyak satu inisiatif;
- (v) penguatkuasaan undang-undang sebanyak enam inisiatif; dan
- (vi) tadbir urus korporat sebanyak tiga inisiatif.

Ini berjumlah 29 inisiatif yang telah pun dilaksanakan daripada 115 inisiatif. Baki 86 inisiatif daripada 115 inisiatif tersebut akan diteruskan dengan penambahbaikan 12 inisiatif baharu. Pemantauan dan penilaian ke atas pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan ketetapan yang digariskan dalam Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No.1, Tahun 2018, Siri 2, Tahun 2019 berkaitan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

NACP merupakan *living document*- dokumen terbuka. Oleh itu, ia bersifat dinamik dan ditambah baik sesuai dengan keperluan dan dasar negara dalam agenda membanteras rasuah serta membina sebuah negara yang bebas rasuah sebagai mana visi NACP. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. NACP diusahakan sebenarnya oleh JKKMAR atau GIACC.

Soalan saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah- apakah status GIACC sekarang ini? Adakah GIACC masih bermesyuarat dan apakah cadangan untuk memperkasakan *living document* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Apa penglibatan Parlimen, kedua-dua Dewan Parlimen, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dalam NACP? Terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. GIACC merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan dan mempunyai peranan yang telah digariskan dengan begitu jelas. Sehingga kini, GIACC masih berfungsi dan menjalankan pelaksanaan terutama melaksanakan 115 inisiatif dan dicampurkan dengan 12 inisiatif baharu yang telah disebutkan tadi.

Ini menjelaskan kepada kita bahawa komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa Pelan Antirasuah Nasional itu berjalan dengan sempurna. Maka, GIACC merupakan satu entiti yang memainkan peranan yang amat penting dengan kepakaran dan pengalaman-pengalaman yang telah dimiliki oleh pegawai-pegawai yang berkhidmat di sana.

Jadi, secara kesimpulannya, kita mengatakan bahawa GIACC adalah merupakan satu buah instrumen yang amat berkesan untuk membantu kerajaan khususnya dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan anti-rasuah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

**13. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, jumlah terkini peserta yang terlibat dalam Program Skim Perantisan Nasional (SPN) sehingga kini, dan jumlah syarikat ataupun organisasi yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan program ini. Adakah syarikat ataupun organisasi WP Labuan juga turut serta dalam program ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, program Skim Perantisan Nasional (SPN) melibatkan penempatan latihan perantisan selama enam (6) bulan. Perantis akan ditempatkan di syarikat mengikut keperluan bidang kerja dan kemahiran yang diperlukan oleh syarikat tersebut.

Dalam tempoh penempatan selama enam bulan ini, perantis akan mengikuti latihan kemahiran termasuklah *soft skills*, dengan izin, yang dikendalikan oleh penyedia latihan secara berkala. Sehingga 30 November 2020, statistik data SPN adalah seperti berikut:

- (i) jumlah permohonan keseluruhan – 2,636 orang;
- (ii) jumlah penempatan perantis SPN – 379 orang;
- (iii) jumlah belia yang sedang menjalani latihan – 397 orang;
- (iv) jumlah syarikat dan *training provider* – 65 syarikat, dan tiga (3) *training provider*, dan
- (v) jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh syarikat, dan *training provider* – 633 kekosongan.

Skim Perantisan Nasional ini dicadangkan untuk diperluaskan lagi sehingga tahun 2021 dengan melibatkan lebih banyak syarikat-syarikat berkaitan kerajaan serta lain-lain syarikat dan agensi di bawah kementerian, termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan.

Melalui Belanjawan 2021, di bawah Program Pekerjaan Jangka Pendek (MySTEP), 15,000 peluang pekerjaan untuk graduan akan ditawarkan melalui Skim Perantisan melalui syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Sebanyak RM250 juta juga diperuntukkan untuk manfaat 50 ribu orang graduan baharu melalui sektor swasta.

Untuk setiap graduan baharu yang menyertai Program Perantisan, majikan swasta boleh menerima insentif sebanyak RM1,000 sebulan sehingga tiga bulan serta geran sehingga RM4,000 untuk program latihan. Ini adalah selari dengan strategi kerajaan untuk mencipta peluang pekerjaan yang bernilai tinggi, menepati keperluan kemahiran semasa, serta mengatasi isu-isu seperti *underemployment* atau *skill mismatch*, dengan izin, melalui Majlis Pekerjaan Negara yang baru sahaja dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, apa langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi menarik minat dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk bekerjasama dan terlibat dalam skim ini. Ini kerana semakin banyak syarikat yang terlibat, semakin banyak peluang pekerjaan dan latihan yang dapat disediakan.

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal:** Skim Perantisan Nasional merupakan program tawaran baharu yang sebenarnya satu kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia di bawah inisiatif PENJANA sebelum ini.

Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, kami memang tidak boleh memaksa mana-mana syarikat untuk menyertai program ini kerana *driver* ataupun pemacu program ini Kementerian Sumber Manusia. Khususnya, di bawah HRDF. Jadi, apa yang kita boleh buat kita ingin menggalakkan lebih banyak syarikat untuk memahami kepentingan program SPN

ini bersama-sama dengan bantuan yang diterangkan oleh HRDF tentang manfaat-manfaat yang mereka boleh dapat daripada program ini, daripada PERKESO khususnya.

Ini khususnya melibatkan contohnya, Program Subsidi Upah. *Of course*, dia ada banyak kriteria yang dipenuhi. Walau bagaimanapun, di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, kita bersedia membantu lebih banyak syarikat-syarikat khususnya syarikat swasta, untuk bekerjasama dengan kami dan juga Kementerian Sumber Manusia dalam memastikan lebih ramai anak muda berkualiti untuk mereka diserapkan ke dalam syarikat-syarikat mereka melalui program-program seperti ini.

■1130

Sebagai pemudah cara, dengan izin, fasilitator kita mengambil ruang yang luas dengan jaringan-jaringan persatuan belia yang ada untuk kita menggalakkan hubungan lebih baik antara syarikat-syarikat ini dengan persatuan-persatuan belia agar belia-belia yang berpotensi ini dapat kita serapkan ke dalam program-program yang ada banyak inisiatif kerajaan melibatkan peluang pekerjaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad.

**14. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa langkah pemantauan- *monitoring*, situasi ibu-ibu tunggal dan anak-anak mengalami tekanan semasa PKP dan PKPB berkaitan COVID-19 serta tindakan susulannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin terhadap nasib golongan wanita termasuk ibu tunggal dan anak-anak yang sudah pastinya melalui kehidupan yang sukar lebih-lebih lagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil beberapa inisiatif membantu ibu tunggal dan anak-anak yang mengalami tekanan semasa PKP dan PKPB berkaitan dengan COVID-19 ini. Di antaranya ialah kita mengadakan khidmat aduan atas talian yang menghubungi Talian Kasih 15999, dan aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-2615999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari.

Skop perkhidmatan Talian Kasih ini merangkumi aspek berkaitan dengan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan termasuk kanak-kanak, perkhidmatan reproduktif termasuk juga masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar kementerian.

Kementerian juga mengadakan sokongan ekonomi dalam bentuk bakul makanan yang diagihkan kepada seramai 820,723 orang- ketua isi rumah di seluruh negara sehingga Oktober 2020. Kita juga mempercepatkan bayaran bantuan kewangan bulanan persekutuan oleh JKM yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 orang penerima bantuan.

Di samping itu juga, kita mengadakan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) secara *one-off* di mana di bawah PENJANA berjumlah RM300 seorang kepada sasarannya seramai 150 ribu orang ibu tunggal yang layak di seluruh negara. Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini telah ditutup sehingga 31 Oktober 2020. Kita menerima permohonan sebanyak 161,909 orang pemohon yang layak dan jumlahnya melebihi sasaran sebagaimana yang kita sasarkan.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah mengambil inisiatif untuk membayar walaupun melebihi sasaran iaitu kita menambah peruntukan sebanyak RM3,572 juta bagi menampung bayaran lebihan iaitu 11,909 orang penerima memandangkan peruntukan asal yang berjumlah RM45 juta yang diperuntukkan melalui program PENJANA untuk ibu tunggal tidak mencukupi. *Insyah-Allah*, proses bayaran kepada penerima yang layak akan diselesaikan sebelum 31 Disember 2020.

Kesembilan ialah program iaitu berbentuk advokasi seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik, media cetak dalam menangani isu tekanan mental. Begitu juga program sokongan psikologi tadi, kaunseling juga disediakan. Pelbagai program juga seperti mewujudkan jaringan pemerksaan wanita iaitu satu kaedah sebagai platform untuk mendekatkan golongan sasar dengan penyediaan perkhidmatan maklumat dengan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO, orang perseorangan, pemimpin masyarakat termasuk juga badan-badan antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Disebabkan tekanan mental yang disebutkan tadi, kebelakangan ini semakin ramai ibu tunggal telah didapati mengambil nyawanya sendiri dan apakah langkah-langkah untuk memantau ataupun monitor bagi memastikan perkara ini boleh dielakkan kerana seperti yang kita tahu pencegahan adalah lebih baik daripada pemulihan. Kita perlu memberikan sokongan yang cukup. Adakah kita mempunyai pakar-pakar dan juga tenaga yang mencukupi untuk mencegah perkara ini daripada berlaku? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Kementerian kita menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk juga dengan Kementerian Kesihatan serta pelbagai agensi termasuk juga pakar-

pakar kaunseling untuk membantu menangani isu-isu terutamanya yang melibatkan golongan wanita dan ibu tunggal ketika musim pandemik COVID-19 sekarang ini.

Jadi kita mengalu-alukan sekiranya mereka memerlukan sokongan, mereka boleh mengadu kepada Talian Kasih kita yang sentiasa dibuka iaitu 15999, dan juga talian WhatsApp. Kita juga akan salurkan kepada agensi-agensi yang berkaitan. Jadi, kita berharap perkara ini boleh membantu mereka. *Insyah-Allah*, pada tahun akan datang, tahun 2021 kita akan mewujudkan *one-stop crisis center* di mana menjadi tempat aduan terutamanya golongan yang memerlukan perkhidmatan untuk memudahkan golongan ini mendapat perkhidmatan daripada kami. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

**15. Puan Susan Chemerai Anding** minta Menteri Kewangan menyatakan, perkhidmatan bank bergerak yang bakal diperluas di Sarawak, adakah bank-bank yang akan terlibat, dan bila mereka akan bermula beroperasi, serta nyatakan kawasan yang akan mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini di Sarawak.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam usaha untuk meningkatkan rangkuman kewangan dan menambah baik penyediaan kemudahan akses perkhidmatan kewangan, BNM telah menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan beberapa buah institusi kewangan iaitu Agro Bank, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan RHB Bank untuk menyediakan perkhidmatan cawangan bank bergerak yang dilengkapi dengan ATM ke beberapa buah kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Inisiatif ini dijangka akan dilancarkan pada akhir bulan Januari 2021. Pelbagai usaha yang berterusan dan saluran alternatif juga disediakan oleh institusi kewangan bagi menyokong dan meningkatkan penyampaian kemudahan asas perkhidmatan perbankan di Sarawak termasuk juga melalui pelantikan agen bank.

Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan institusi-institusi kewangan untuk memperluaskan kemudahan perkhidmatan perbankan terutamanya kepada golongan masyarakat yang menetap di kawasan luar bandar.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menggalakkan pembangunan saluran penghantaran kewangan yang berasaskan teknologi seperti perbankan internet dan mudah alih serta e-dompet di mana transaksi perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**16. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh mana pelaksanaan Pekerjaan Hijau telah dilaksanakan di negara ini sesuai dengan matlamat yang terkandung dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia. Sudah tidak ada sumber.

Setiasusaha sila ambil nota bahawa Yang Berhormat Menteri itu tidak ada menghantar wakil atau beliau sendiri, dan perutusan rasmi diberikan kepadanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka sampai sudah kita kepada soalan terakhir dengan itu, dan nampaknya ada kemajuan daripada penegasan dan juga pelaksanaan. Diucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Semoga sifat efisien ini dapat kita teruskan esok, lusa dan tulus seterusnya pada musim kita bertelaah di Dewan yang mulia ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.39 pg.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Syukur *alhamdulillah*, saya panjatkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, dan ahli keluarga Baginda. Salam penuh hormat dan takzim saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, dan semua sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang hadir di Dewan Negara pada hari ini. Ini satu penghormatan untuk saya menyampaikan Ucapan Belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini.

Syukur *alhamdulillah*, setelah selesai dibahaskan di Peringkat Dasar dan Jawatankuasa di Dewan Rakyat, segala urusan dipermudahkan, dan Rang Undang-undang Perbekalan 2021, dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021, telah diluluskan dengan pindaan, di Dewan Rakyat, pada petang semalam.

#### **■1140**

Merujuk kepada pindaan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang telah dipersetujui di Dewan Rakyat, saya mohon memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa, fasal 2 dalam Teks Bahasa Kebangsaan, dan Teks Bahasa



Inggeris, dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2021, dipinda dengan menggantikan perkataan “*satu ratus enam puluh empat bilion satu ratus lima puluh satu juta enam ratus lima puluh enam ribu lapan ratus ringgit (RM164,151,656,800)*” dengan perkataan, “*satu ratus enam puluh empat bilion satu ratus enam juta enam ratus lima puluh enam ribu lapan ratus ringgit RM164,106,656,800.*”

Saya juga mohon memaklumkan bahawa Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dipinda di bawah ruang “Amaun”: Bagi Maksud B.47 dengan menggantikan perkataan “1,242,464,900” dengan perkataan “1,197,464,900”, dan pada jumlah, dengan menggantikan perkataan “164,151,656,800”, dengan perkataan “164,106,656,800.”

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini berbangkit daripada pengurangan jumlah wang yang diperuntukkan bagi Maksud B.47 yang dinyatakan dalam Jadual kepada rang undang-undang iaitu untuk mengurangkan sebanyak RM45 juta daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Bekalan B.47 di bawah Butiran 050100 – Perluasan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Atas semangat demokrasi berparlimen serta pandangan yang diterima dari pelbagai lapisan rakyat, beberapa pindaan lain juga telah dipersetujui dan pada hari ini saya akan memperincikan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Negara ini.

Rakan-rakan Yang Berhormat, dalam persekitaran semasa yang menguji ketahanan kita menghadapi asakan ekonomi dan kesihatan luar biasa dalam sejarah, adapun pembentangan belanjawan ini mungkin lebih bererti bagi rakyat dari tahun-tahun sebelumnya. Maka dengan itu saya mohon untuk Dewan yang mulia ini menghayati dan menilai pembentangan belanjawan ini dengan semangat perpaduan, hati terbuka dan berjiwa besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan prestasi dan cabaran ekonomi bagi tahun 2020 dan 2021. Umum mengetahui tahun 2020 dipenuhi dengan pelbagai episod mencabar dan yang terutamanya penularan wabak COVID-19. Pada ketika ini, pandemik ini telah menjangkiti lebih 70 juta orang penduduk dunia dan meragut 1.6 juta nyawa.

Dari sudut ekonomi, ia telah menjerut perdagangan di lebih 150 buah negara di dunia. Kita berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar, kejatuhan harga komoditi dan ruang fiskal yang terhad. Bahtera negara di kemudi dalam suatu suasana luar jangkauan, dengan izin, *an unprecedented crisis*. Di samudera bergelora ini tiada sebarang contoh atau petunjuk lampau, tiada buruj mahupun bintang di langit kelam boleh dijadikan pedoman juragan di pelayaran. Arah perjalanan negara benar-benar terletak di tangan kita hari ini.

Demi melindungi rakyat dan menjamin kelangsungan ekonomi, kerajaan telah bertindak pantas. Antaranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan empat (4) buah pelan pemulihan ekonomi iaitu pakej-pakej PRIHATIN, Prihatin PKS Tambahan, PENJANA dan juga Kita Prihatin. Keseluruhan pakej rangsangan tersebut bernilai RM305 bilion atau menyumbang sekitar 20 peratus daripada KDNK.

*Alhamdulillah*, dengan izin Allah SWT, pakej-pakej rangsangan yang diperkenalkan sepanjang tahun telah mula menunjukkan hasil awal. Pertumbuhan KDNK negara telah menunjukkan trend pemulihan daripada -17.1 peratus pada suku kedua- tahun ini kepada -2.7 peratus pada suku ketiga. Kadar pengangguran juga telah menurun daripada paras 5.3 peratus pada bulan Mei kepada 4.7 peratus pada bulan Oktober.

Meskipun diasak pelbagai cabaran, negara kita telah membuktikan daya tahannya dalam menghadapi kancah ketidakstabilan faktor luaran. Kerajaan akan terus memelihara kepentingan rakyat, menyokong perniagaan, memastikan ketahanan ekonomi dan mengimbangi pasaran.

Sehubungan itu, walaupun KDNK negara dijangka menguncup pada tahun 2020 tetapi ia diunjurkan berkembang semula pada kadar 6.5 hingga 7.5 peratus pada tahun 2021 selaras dengan unjuran Bank Dunia 6.3 peratus. Ini disokong oleh keberhasilan langkah proaktif kerajaan melalui pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi, inisiatif Belanjawan 2021, dan pemulihan ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin memberi sedikit penjelasan berkaitan agensi penarafan kredit Fitch baru-baru ini yang telah menyemak semula penarafan Malaysia daripada -A kepada BBB+ namun dengan peningkatan tinjauan daripada negatif kepada stabil. Hakikatnya ia bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana banyak agensi penarafan kredit telah pun mengenakan lebih 220 tindakan penarafan negatif sejak awal Mac lalu dengan tindakan penurunan penarafan kepada lebih 100 buah negara.

Namun kerajaan sememangnya kecewa dengan keputusan Fitch terutamanya ketika pandemik COVID-19 masih berterusan dan langkah-langkah pemulihan ekonomi masih sedang berjalan malah tanda-tanda awal pemulihan ekonomi telah pun mula kelihatan, hasil daripada pelbagai pakej rangsangan yang dilaksanakan.

Dengan penilaian yang tertumpu kepada kedudukan fiskal dan situasi politik semasa, keputusan berkenaan tidak memberikan gambaran sebenar dan tidak mengiktiraf usaha tindak balas krisis oleh kerajaan serta asas ekonomi negara yang masih kukuh. Laporan Fitch ini saya ibaratkan begini- rumah sudah tegak, bumbung sudah bergenting, ribut belum reda tetapi anjung basah juga yang disebut-sebut.

Memandang ke hadapan, segala usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan momentum pemulihan ekonomi, konsolidasi dan kemapanan fiskal, kerajaan yakin akan mampu menaikkan semula penarafan negara dalam jangka masa sederhana. Kerja kita belum selesai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 dirangka untuk kelangsungan hidup rakyat dan ketahanan ekonomi. *It is a COVID-19 Budget, a budget for survival and resilience*, dengan izin. Belanjawan ini digubal untuk memelihara kesejahteraan rakyat daripada segi kesihatan

dan kehidupan agar rakyat mampu menghadapi cabaran COVID-19 dan membina daya tahan untuk masa depan, *insya-Allah*.

Oleh sebab itu, dalam rangka Belanjawan 2021 buat pertama kalinya, Sesi Konsultasi yang meluas telah dilaksanakan. Melalui 40 sesi libat urus dan khususnya pertemuan saya bersama sebahagian Ahli-ahli Senator dalam Dewan ini, lebih 6,600 cadangan telah diutarakan dan dipertimbangkan.

Melalui Belanjawan 2021, kita mahu membina ketahanan supaya dapat melangkah ke masa depan yang lebih cerah. Atas semangat dan kudrat inilah, Belanjawan 2021 dirangka bertemakan, "Teguh Kita, Menang Bersama". Berdasarkan tiga matlamat induk berikut:

- (i) kesejahteraan rakyat;
- (ii) kelangsungan perniagaan; dan
- (iii) ketahanan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menerangkan secara terperinci langkah-langkah bagi matlamat pertama tersebut, saya ingin mulakan dengan beberapa pindaan, cadangan penambahbaikan dan usul yang telah dipersetujui semasa penggulungan di Dewan Rakyat tempoh hari. Ia melibatkan 10 perkara seperti berikut.

Pertama, usul yang telah dipersetujui iaitu pengurangan peruntukan bagi Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) sebanyak RM45 juta daripada RM81.5 juta seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Pindaan ini turut mengambil kira penjenamaan semula JASA kepada JKOM ataupun Jabatan Komunikasi Komuniti.

Kedua, kerajaan bersetuju untuk memanjangkan bantuan khas secara *one-off* sebanyak RM300 kepada semua petugas barisan hadapan yang di bawah seliaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Ini merupakan pengumuman tambahan ke atas cadangan bantuan khas *one-off* sebanyak RM500 untuk hampir 100 ribu orang *frontliners* Kementerian Kesihatan yang telah diumumkan sebelum ini.

Ketiga, menambah baik program eBelia dengan meningkatkan jumlah daripada RM50 kepada RM100 dan turut dipanjangkan kepada 1.1 juta orang mahasiswa di IPT dan IPTS termasuk yang berumur lebih daripada 20 tahun.

Keempat, dana tambahan berjumlah RM50 juta kepada negeri Sabah sebagai usaha memerangi COVID-19 dengan menggunakan Kumpulan Wang COVID-19.

Kelima, kerajaan bersetuju untuk memanjangkan pemberian wang *one-off* sebanyak RM500 kepada kategori pesara dan bekas polis setelah mengambil kira cadangan oleh Persatuan Bekas Polis Malaysia. Ini menjadikan jumlah penerima seramai 80 ribu orang dengan implikasi kewangan sebanyak RM40 juta.

Keenam, tambahan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian. Dengan Kelulusan Khas ini ia dapat memanfaatkan petani yang terdiri daripada

pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun dan penternak yang mengalami kehilangan pengeluaran hasil tanaman kesan daripada bencana alam.

#### ■1150

Ketujuh, menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan darat daripada RM200 kepada RM250 sebulan bagi 3,400 orang nelayan darat yang mendaftar.

Kelapan, meneruskan Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM300 sebulan dengan bayaran pertama pada bulan Disember ini, dan seterusnya pada Januari 2021. Bantuan musim tengkujuh bakal memanfaatkan lebih 300 ribu orang pemilik kebun getah dan penoreh getah.

Kesembilan, melanjutkan potongan cukai bagi pengurangan sewa premis kepada PKS untuk tempoh enam (6) bulan lagi iaitu sehingga Mac 2021 bagi membantu PKS yang terkesan akibat lanjutan PKPB.

Dan kesepuluh, kerajaan bersedia mengkaji Elaun Perumahan Wilayah penjawat awam yang kali terakhir disemak pada April 2002. Sebarang pelarasan kadar akan diumumkan kelak.

Penambahbaikan yang dibuat mengambil kira perbincangan dan keseluruhan pandangan dari pelbagai pihak. *Alhamdulillah*, ia telah dipersetujui di peringkat Dewan Rakyat semasa Sesi Penggulangan di Peringkat Dasar pada 26 November yang lepas.

Langkah-langkah tersebut akan diselaraskan oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan sasaran defisit fiskal yang ditetapkan tidak terjejas iaitu sebanyak 6.0 peratus pada tahun ini, dan sasaran 5.4 peratus daripada KDNK pada tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat pertama iaitu kesejahteraan rakyat amat diutamakan di dalam Belanjawan 2021 ini. Di bawah matlamat ini terdapat lima strategi utama.

Strategi pertama, memerangi pandemik COVID-19 dan melindungi kesihatan awam. Kerajaan bercadang mengemukakan pindaan jadual akta kepada Parlimen untuk menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM45 bilion kepada RM65 bilion. Dengan penambahan RM20 bilion, ia akan membiayai pakej Kita Prihatin, bantuan tambahan bagi kesejahteraan rakyat, keperluan barisan hadapan dan juga perolehan vaksin.

Bagi tahun 2021, sebanyak RM1 bilion akan diperuntukkan untuk membendung gelombang ketiga COVID-19. Peruntukan ini antaranya merangkumi pembelian bekalan reagen, kit saringan dan bahan guna habis untuk kegunaan barisan hadapan kesihatan, penyediaan peralatan PPE dan *hand sanitizer*, hospital pengajar universiti serta penambahan peralatan dan fasiliti di kemudahan kesihatan.

Kerajaan juga komited untuk mendapatkan sumber vaksin COVID-19 dan kini dalam peringkat akhir perbincangan dengan syarikat pengeluar. Dijangkakan bekalan COVID-19 melibatkan sekitar RM3 bilion bagi memperoleh vaksin untuk sekurang-kurang 70 peratus rakyat Malaysia.

Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk meluaskan skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan meliputi perbelanjaan pelbagai vaksinasi bagi diri sendiri, pasangan dan anak-anak terhad kepada RM1,000.

Kerajaan juga akan menaikkan had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan diri, pasangan dan anak bagi penyakit serius daripada RM6,000 kepada RM8,000, manakala had pelepasan cukai bagi perbelanjaan pemeriksaan kesihatan penuh dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000.

Seterusnya had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan bagi rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa juga dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM8,000.

KKM juga akan diperuntukkan RM24 juta bagi Program Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan dan Kecederaan, serta Penyalahgunaan Substans.

Seterusnya perlindungan program MySalam akan diperluaskan kepada tuntutan kos peranti perubatan seperti *stent* untuk jantung atau prostesis. Di samping itu, Program Baucar Perlindungan Tenang bagi golongan B40 akan diperkenalkan dengan pemberian baucar sebanyak RM50 untuk mereka membeli produk perlindungan Tenang.

Kerajaan juga memperuntukkan RM90 juta bagi program imunisasi pneumokokal untuk memanfaatkan 500 ribu orang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua adalah untuk memelihara kebajikan golongan rentan. Bagi menambah baik kebajikan golongan rentan, kerajaan bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan untuk OKU, tidak berupaya bekerja, warga emas dan bantuan penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar, pekerja OKU dan bantuan kanak-kanak keluarga miskin. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion yang dijangka memanfaatkan lebih daripada 400 ribu orang penerima.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk menggantikan Bantuan Sara Hidup kepada Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dengan kadar bantuan dan kategori pendapatan yang lebih baik. Secara keseluruhan, pemberian BPR ini dijangka akan memanfaatkan 8.1 juta orang dengan peruntukan RM6.5 bilion. Di samping itu Program Jaringan PRIHATIN dengan nilai RM1.5 bilion, bertujuan membantu golongan B40 mendapatkan kemudahan internet. Bermula suku pertama 2021, lebih kurang seramai lapan juta orang penerima daripada golongan B40 akan menerima bantuan RM180 seorang dalam bentuk kredit telekomunikasi. Syarikat-syarikat telekomunikasi juga akan menyediakan manfaat bernilai RM1.5 bilion termasuk dalam bentuk data percuma.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya kerajaan bersetuju kadar cukai pendapatan untuk individu bermastautin diturunkan sebanyak satu (1) mata- peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai RM50,001 hingga RM70 ribu, yang dijangka memanfaatkan 1.4 juta orang pembayar cukai.

Mengenai moratorium, Malaysia merupakan negara pertama yang dunia di mana institusi perbankan telah memberikan moratorium automatik kepada semua peminjam semasa PKP dilaksanakan. Susulan itu Bank Negara Malaysia bersama institusi perbankan telah melanjutkan program moratorium dan bantuan bayaran balik pinjaman bermula Oktober 2020. Lebih 700 ribu permohonan telah diterima, dan daripada jumlah itu 98 peratus peminjam telah diluluskan permohonannya.

Dalam pembentangan Belanjawan 2021, peminjam di kalangan B40 dan perusahaan mikro yang mempunyai komitmen pinjaman sehingga RM150 ribu, diberi dua opsi sama ada boleh menangguhkan ansuran bulanan selama tiga bulan lagi atau mengurangkan ansuran bulanan sebanyak 50 peratus selama enam bulan. Peminjam yang layak hanya perlu menghubungi pihak bank untuk membuat pilihan yang sesuai. Manakala bagi peminjam M40 hanya perlu membuat pengisytiharan sendiri atau *self declaration*, dengan izin, pengurangan pendapatan untuk mendapatkan bantuan bayaran balik.

Seterusnya mengenai beberapa inisiatif di bawah KWSP. Pertamanya dipersetujui kadar caruman minimum KWSP pekerja dikurangkan daripada 11 peratus kepada 9 peratus mulai Januari 2021 untuk tempoh 12 bulan. Ini akan meningkatkan pendapatan boleh guna ahli KWSP dengan anggaran nilai RM9.3 bilion.

Yang kedua, pengeluaran wang caruman dari Akaun 1 KWSP. Semasa sesi penggugungan, saya telah menjelaskan bahawa setiap langkah melibatkan pengeluaran KWSP perlu dilakukan dengan penuh tanggungjawab kerana amanah yang dipikul adalah untuk semua ahli termasuk juga bagi ahli yang tidak mahu mengeluarkan simpanan masing-masing.

Kesimpulannya, kerajaan bertanggungjawab untuk mencari titik keseimbangan antara keperluan pengeluaran hari ini dan keselamatan persaraan untuk hari tua.

Maka, secara ringkasnya program I-Sinar diperkenalkan, dengan tambah baik sebanyak tiga (3) kali, untuk dua (2) kategori utama.

Kategori pertama, pencarum boleh membuat pengeluaran sehingga RM10 ribu secara berperingkat dalam tempoh maksimum enam (6) bulan dengan bayaran pertama sehingga jumlah maksimum RM5 ribu.

Manakala bagi kategori kedua, mereka yang mempunyai baki lebih daripada RM100 ribu dalam Akaun Satu, pencarum boleh membuat pengeluaran sehingga RM60 ribu secara berperingkat dalam tempoh maksimum enam (6) bulan dengan bayaran pertama sehingga jumlah maksimum RM10 ribu.

Bagi memastikan kelancaran proses permohonan dan mengelakkan sebarang penipuan, pencarum KWSP digalakkan untuk mendaftarkan i-Akaun, dan memastikan nombor akaun bank adalah aktif. Bagi mereka yang tidak termasuk dalam kategori 1 atau 2,

tunjukkan sahaja bukti mengenai kehilangan pekerjaan, notis cuti tanpa gaji, potongan gaji, elaun ataupun OT, mahupun pengurangan pendapatan, jika bekerja sendiri.

Seterusnya, pelanjutan sistem insurans pekerjaan. Bagi tahun 2021, tempoh Elaun Mencari Kerja akan dilanjutkan selama tiga bulan, dan kadar tuntutan 80 peratus daripada gaji bagi bulan pertama, 50 peratus bagi bulan kedua hingga keenam, dan seterusnya 30 peratus bagi tiga bulan terakhir. Peruntukan RM150 juta dijangka akan memanfaatkan sehingga 130 ribu orang pencari kerja.

Selain itu, bagi mereka yang telah hilang pekerjaan, had pengecualian cukai pendapatan untuk tempoh dua (2) tahun taksiran bagi bayaran pampasan atas kehilangan pekerjaan akan dinaikkan daripada RM10 ribu kepada RM20 ribu setiap tahun genap perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2021, kerajaan menyediakan hampir RM28 bilion khusus untuk subsidi bantuan dan insentif. Antaranya ialah bantuan pengangkutan dan kebajikan serta subsidi bagi mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Ini termasuk RM200 juta untuk melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu. LPG dan *Community Drumming*.

Bagi membantu pekebun kecil dalam keadaan harga pasaran rendah, peruntukan bagi insentif pengeluaran getah akan ditingkatkan kepada RM300 juta.

Selain itu RM1.7 bilion disediakan dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif kepada petani dan nelayan.

Bagi membantu peneroka FELDA, kerajaan memperuntukkan RM400 juta untuk menghapus faedah hutang kebun peneroka, dan menyediakan program pembangunan peneroka bagi mendapatkan hasil baharu.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, strategi ketiga adalah untuk menjana dan mengekalkan pekerjaan. Bagi tahun hadapan, kerajaan akan melaksanakan Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan (JanaKerja), yang melibatkan penyediaan 500 ribu peluang pekerjaan baharu termasuk pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula melalui perbelanjaan sebanyak RM3.7 bilion.

Kerajaan juga akan meneruskan inisiatif pengambilan pekerja di bawah PERKESO yang kini dikenali sebagai PenjanaKerjaya dan yang dijangka akan mewujudkan 250 ribu peluang pekerjaan baharu. Beberapa penambahbaikan termasuk insentif gaji sebanyak 40 peratus daripada gaji bulanan, atau 60 peratus daripada pekerja OKU, penganggur jangka panjang dan pekerja yang diberikan.

Insentif 60 peratus juga diberikan kepada pengambilan pekerja yang menggantikan pekerja asing dalam sektor kebergantungan tinggi seperti pembinaan dan perladangan. Ketiga-tiga perkara ini, insentif diberikan untuk tempoh enam bulan. Bagi mereka yang telah

diambil bekerja di bawah PenjanaKerjaya, kos maksimum program latihan yang layak dituntut majikan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM7,000.

Selain itu, Majlis Pekerjaan Negara (NEC) ditubuhkan bagi menyelaraskan pelbagai inisiatif merentas kementerian dalam mencipta peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan latihan pekerja. NEC dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah pun mengadakan mesyuarat pertama pada 10 Disember yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya program peningkatan kemahiran dan latihan semula- *reskilling and upskilling*, akan menumpukan kepada kebolehpasaran pekerjaan dan padanan pekerjaan. Bagi tahun 2021, sejumlah RM1 bilion diperuntukkan untuk 200 ribu orang pelatih.

Bagi menggalakkan rakyat meningkatkan kemahiran serta menceburi bidang baharu, skop pelepasan cukai yuran pengajian akan diperluas meliputi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran oleh badan-badan bertauliah terhadap kepada RM1,000 bagi setiap tahun tafsiran.

Seterusnya, kerajaan akan memperkenalkan inisiatif *Short-term Employment Programme* (MySTEP) dengan menawarkan sebanyak 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak bermula Januari 2021. Di bawah inisiatif ini sebanyak 35 ribu peluang pekerjaan akan ditawarkan dalam sektor awam dan sebanyak 15 ribu peluang pekerjaan di syarikat GLC.

Kerajaan akan melanjutkan pelaksanaan Program Subsidi Upah selama tiga bulan lagi dengan lebih bersasar khususnya bagi sektor pelancongan dan peruncitan dengan kadar sebanyak RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. Sebanyak RM1.5 bilion diperuntukkan dan dijangka membantu kira-kira 70 ribu orang majikan, dan 900 ribu orang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan simpanan hari tua, pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 ke atas caruman Skim Persaraan Swasta (PRS) dilanjutkan sehingga tahun tafsiran 2025.

KWSP juga bersetuju membenarkan ahli membuat pengeluaran daripada Akaun 2 KWSP untuk membeli produk perlindungan insurans takaful hayat dan penyakit kritikal bagi diri dan keluarga yang diluluskan oleh KWSP.

Seterusnya, kerajaan menyediakan sebanyak RM24 juta bagi caruman penuh di bawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO untuk manfaat seramai 100 ribu orang pekerja termasuk *delivery riders* yang menjadi barisan sokongan semasa tempoh PKP.

Tuan Yang di-Pertua, strategi keempat mengutamakan agenda keterangkuman selaras dengan *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Kerajaan akan meneruskan usaha menyokong pembangunan bumiputera bagi menambahbaik kesaksamaan antara kaum. Bagi tahun 2021, sebanyak RM11.1 bilion disediakan antaranya RM6.5 bilion untuk menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada institusi bumiputera seperti MARA dan



UiTM, manakala sejumlah RM4.6 bilion disediakan bagi melonjakkan dan memperkasakan usahawan bumiputera.

Kerajaan juga berhasrat untuk mengoptimumkan nilai tanah rizab Melayu di kawasan-kawasan strategik. Bagi tujuan ini, sejumlah RM750 juta akan disediakan kepada Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Islam akan terus diperkukuh. Belanjawan 2021 memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan akan memperkasa pengurusan wakaf melalui pewujudan Pelan Induk Wakaf Nasional. Selain itu, PNB akan memperkenalkan perkhidmatan wakaf kepada semua pemegang unit Amanah Saham Nasional.

Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar elaun Guru Takmir daripada RM800 ke RM900 sebulan bagi menghargai jasa 4,000 orang Guru Takmir.

Sebagai tambahan, Bayaran Khas *One-Off* sebanyak RM500 akan diberikan kepada para imam, bilal, siak, noja, merbut, Guru Takmir dan Guru KAFA.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat menghargai sumbangan wanita kepada negara. Bagi memperkasa usahawan wanita, sejumlah RM95 juta pembiayaan mikro kredit khas disediakan khusus melalui TEKUN, MARA dan Agrobank. Selain itu, sebanyak RM50 juta juga disediakan di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia- YaPEIM, bagi menyokong aktiviti pembiayaan Islam melalui Ar-Rahnu BizNita.

Selain itu, RM21 juta juga diperuntukkan bagi sokongan sosial setempat dengan kerjasama NGO bagi melindungi dan menyokong wanita terutamanya dalam mendepani masalah keganasan rumah tangga, penceraian dan penderaan.

Kerajaan juga memperuntukkan RM30 juta untuk menyediakan taska di bangunan-bangunan kerajaan, terutamanya di hospital. Manakala bagi sektor swasta, geran padanan sehingga RM20 juta akan disediakan untuk menggalakkan sektor swasta menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di premis mereka.

Selain itu, RM10 juta juga diperuntukkan bagi program saringan kanser serviks dan insentif program subsidi ujian mamogram kepada wanita berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, program-program pembangunan komuniti merangkumi semua peringkat masyarakat turut menjadi tumpuan kerajaan. Bagi kaum Cina, sejumlah RM177 juta disediakan untuk program pembaikan fasiliti pendidikan, rumah dan kemajuan kampung baru termasuk sejumlah RM100 juta pembiayaan perniagaan komuniti Cina melalui BSN. Bagi kaum India, sebanyak RM100 juta diperuntukkan kepada Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) bagi memperkasa kedudukan sosioekonomi komuniti India.

Selain itu, TEKUN akan menyediakan RM20 juta khusus untuk Program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India- SPUMI, dan RM5 juta untuk pembangunan usahawan bagi komuniti lain.

Kerajaan juga akan menaikkan nilai geran bagi setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) daripada sejumlah RM4,800 kepada sebanyak RM6,000 untuk manfaat lebih 8,000 KRT, dan menyediakan RM50 juta bagi projek-projek pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah-rumah ibadat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Jabatan Penjara Malaysia pula akan diperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Insan antaranya untuk memberikan kemahiran vokasional kepada banduan. Bagi menggalakkan majikan menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan dan juga bekas penagih dadah, serta mengintegrasikan golongan ini ke dalam masyarakat, potongan cukai tambahan yang diberikan kepada majikan yang menggaji golongan ini akan dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025.

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada aspek kesejahteraan komuniti Orang Asli, dengan penyediaan peruntukan sejumlah RM158 juta. Kerajaan juga akan menaik taraf dan membina sebanyak 14 buah tabika baharu, yang di antaranya seperti di Pos Slim Sungai Kinta, Perak dan Pos Sungai Kelai Jempol, Negeri Sembilan. Selain itu, sebanyak RM5 juta bagi menjalankan kerja-kerja ukur tanah untuk menandakan sempadan di 21 perkampungan Orang Asli, dan sebanyak RM41 juta diperuntukkan bagi program *Native Customary Rights* di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus menjaga kebajikan golongan warga emas dan OKU melalui Program Khidmat Bantu di Rumah. Sehubungan itu, nilai sagu hati kepada sukarelawan di bawah program ini akan dinaikkan daripada RM150 kepada maksimum sebanyak RM400. Manakala, nilai sagu hati kepada program klien turut dinaikkan daripada RM30 kepada sebanyak RM80.

Selanjutnya, had pelepasan cukai bagi pasangan OKU akan dinaikkan daripada RM3,500 kepada RM5,000.

Bagi tahun 2021, kadar petugas Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti akan dinaikkan daripada RM800 ke RM1,200 sebulan, manakala kadar penyelia dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan.

Kerajaan juga akan menaikkan bantuan kewangan tahunan bagi pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas yang dikendalikan oleh NGO daripada sejumlah RM33 ribu, kepada sebanyak RM50 ribu. Potongan cukai tambahan juga akan diberikan kepada majikan yang menggaji warga emas sehingga tahun 2025.

Kerajaan juga memperuntukkan RM170 juta bagi program pendidikan awal kanak-kanak oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat. Di samping itu, kerajaan akan menyediakan Pusat Komuniti sebagai tempat jagaan kepada anak-anak selepas tamat sesi persekolahan. Dengan

peruntukan RM20 juta, Pusat Komuniti dengan kerjasama NGO ini turut dilengkapi kemudahan penjagaan diri, kelas tuisyen, perpustakaan mini dan program bimbingan mentor.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan meneruskan usaha mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar. Untuk tujuan ini, sebanyak RM2.7 bilion disalurkan bagi melaksanakan pelbagai program dan projek penambahbaikan infrastruktur luar bandar seperti projek jalan perhubungan desa, bekalan air dan elektrik luar bandar serta pemasangan lampu.

Selain itu, kerajaan akan memperluas perkhidmatan bank bergerak bagi membantu masyarakat luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak untuk mendapat akses perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menyediakan insentif kepada majikan swasta sebanyak RM1,000 sebulan sehingga tiga bulan bagi setiap graduan baharu yang menyertai program perantisan. Majikan juga boleh menuntut geran sehingga RM4,000 untuk program latihan perantis. Program ini dijangka memanfaatkan sehingga 50 ribu orang graduan baharu dengan peruntukan RM250 juta.

#### ■1210

Kerajaan juga memperuntukkan RM19 juta bagi melaksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat, manakala RM28 juta juga disediakan bagi melaksanakan Program MyFit, Hari Sukan Negara, dan Program *Inspire* bagi komuniti OKU.

Selain itu, RM103 juta juga disediakan untuk membina, menaik taraf dan menyelenggarakan kemudahan sukan seluruh negara. Bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi, RM55 juta termasuk RM15 juta kepada pembangunan *eSports* akan diperuntukkan.

Bagi pengusaha industri sukan, RM20 juta pinjaman mudah disediakan di bawah skim TEKUN Sukan. Selain itu, had pelepasan cukai pendapatan bagi gaya hidup dinaikkan daripada RM2,500 kepada RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kelima adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat melalui peningkatan pelbagai kemudahan sosial.

Kerajaan akan memperuntukkan RM500 juta bagi tahun 2021 untuk melaksanakan inisiatif Jalinan Digital Negara ataupun JENDELA. Bertujuan memastikan kesalinghubungan 430 buah sekolah di seluruh Malaysia. Pada masa yang sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan memperuntukkan RM7.4 bilion untuk tahun 2021 dan 2022 bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar.

Dalam norma baharu ini, pembelajaran secara dalam talian telah menjadi satu amalan. Sehubungan itu, GLC dan GLIC telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM150 juta bagi pemberian komputer riba kepada 150 ribu orang murid di 500 buah sekolah.

Pendidikan ialah pelaburan yang paling penting dalam memastikan kualiti kehidupan untuk generasi akan datang. Oleh itu, kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menerima

peruntukkan terbesar iaitu sejumlah RM50.4 bilion atau 15.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan.

Kerajaan akan menambah baik Rancangan Makanan Tambahan dengan penyediaan bekalan susu daripada dua (2) kali seminggu sahaja kepada setiap hari persekolahan dengan peruntukan sebanyak RM420 juta.

Selain itu, RM800 juta juga disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Bagi tujuan ini, sejumlah RM100 juta juga dikhususkan untuk sekolah tahfiz dan pondok berdaftar serta sekolah agama rakyat. Manakala kos tambahan sebanyak RM725 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah-sekolah daif. Bagi sekolah di luar bandar Sabah dan Sarawak, kerajaan akan melaksanakan 184 projek pembinaan dan pemasangan bekalan air telaga tiub baharu dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM120 juta.

Selain itu, RM45 juta akan disediakan bagi memperkasa pendidikan murid keperluan berkeperluan khas di sekolah.

Kementerian Pengajian Tinggi pula diperuntukkan sebanyak RM14.4 bilion termasuk RM50 juta bagi projek membaik pulih infrastruktur dan peralatan usang di universiti-universiti awam.

Selain itu, kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta untuk menaik taraf talian akses *Malaysian Research & Education Network* (MYREN) kepada 500 *megabyte per second* (Mbps) hingga 10 *gigabyte per second* (Gbps).

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan terus memperkasakan bidang TVET dengan memperuntukkan sebanyak RM6 bilion termasuk RM300 juta disediakan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Kerajaan juga menambah baik Sistem Latihan Dual Nasional Plus dengan elaun bulanan dinaikkan daripada RM625 kepada RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi terus menggalakkan pemilikan rumah, pelbagai inisiatif cukai akan dilaksanakan termasuk pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama bernilai sehingga RM500 ribu, dan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai.

Di samping itu, RM1.2 bilion disediakan bagi kemudahan peruntukkan perumahan yang selesa dan berkualiti seperti pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB, penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah serta rumah usang dan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia.

Selain itu, kerajaan juga akan bekerja sama dengan institusi kewangan terpilih untuk Skim *Rent-to-Own* sehingga tahun 2022 melibatkan 5,000 buah rumah PR1MA untuk pembeli rumah pertama.

Seterusnya, pelaksanaan inisiatif pas perjalanan tanpa had My30 akan diteruskan dan diperluaskan ke Pulau Pinang dan Kuantan dengan peruntukkan keseluruhan RM300 juta. Selain itu, pas perjalanan bulanan tanpa had dengan harga RM5 akan diperkenalkan untuk pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 6 serta golongan OKU untuk membolehkan mereka menggunakan pelbagai perkhidmatan *train* komuter di seluruh negara.

Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti akan diperluas secara berfasa ke Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan dengan peruntukan RM150 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri masing-masing diperuntukkan RM16 dan RM17 bilion.

Bagi memastikan kesiapsiagaan aset-aset utama ATM, kerajaan akan menyediakan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM2.3 bilion berbanding dengan RM2 bilion sebelum ini.

Kerajaan sentiasa memastikan kebajikan anggota tentera tidak terabai. Selain menyelenggarakan kemudahan rumah keluarga angkatan tentera sedia ada, kerajaan akan membina sebanyak hampir 1,000 buah unit baharu dengan peruntukan hampir RM500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah matlamat kedua iaitu kelangsungan perniagaan. Fokus kerajaan adalah untuk memacu pelaburan, memperkukuh sektor-sektor tumpuan dan memudah akses perniagaan.

Strategi pertama adalah untuk memacu pelaburan. Untuk itu, RM1 bilion disediakan sebagai pakej galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi, manakala dana teknologi tinggi bernilai RM500 juta akan disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

Kerajaan juga komited menjadikan Malaysia sebagai destinasi aktiviti perkhidmatan bernilai tinggi dengan pelbagai inisiatif cukai seperti melonggarkan dan melanjutkan syarat galakan cukai untuk Hab Prinsipal.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembangunan Nasional bernilai RM1.4 bilion oleh Bank Pembangunan Malaysia akan diperkenalkan bagi menyokong pelaksanaan pembangunan rantaian bekalan domestik dan meningkatkan penghasilan produk tempatan seperti peralatan perubatan.

Selain itu, Skim Pembangunan Maritim dan Logistik, Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan, Skim Infrastruktur Pelancongan dan Dana Pengangkutan Awam akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023 dengan peruntukkan dana sebanyak RM3.7 bilion.

Selanjutnya, untuk terus membantu PKS yang terkesan, kemudahan bantuan dan pemulihan bersasar bernilai RM2 bilion di bawah BNM akan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan daya saing industri, inisiatif yang diperuntukkan termasuk RM100 juta bagi penyelenggaraan infrastruktur kawasan perindustrian dan RM42 juta di bawah program JENDELA bagi menambah baik kesalinghubungan internet di 25 buah kawasan perindustrian.

Dalam usaha menyokong perkembangan daya saing ekosistem sains dan teknologi, kerajaan memperuntukkan RM400 juta khususnya untuk tujuan R&D.

Selanjutnya, RM20 juta akan disediakan bagi Program *Malaysia Techlympics* dan *Science Space* bertujuan mewujudkan kepakaran dalam bidang kecerdasan buatan dan robotik dalam kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan penghasilan dan pembelian produk buatan tempatan, inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk RM25 juta bagi Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik serta Program Beli Barangan Buatan Malaysia, dan RM150 juta bagi inisiatif *Shop Malaysia Online*.

Strategi kedua adalah untuk memperkukuh sektor-sektor tumpuan. Sehubungan itu, beberapa inisiatif utama bagi sektor pertanian dan industri makanan akan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) RM30 juta bagi perluasan Program Kebun Komuniti;
- (ii) RM50 juta bagi pelaksanaan Projek Pertanian Organik;
- (iii) RM10 juta bagi pelaksanaan Program Ladang e-Satelit secara geran padanan kepada setiap pertubuhan peladang kawasan;
- (iv) RM150 juta melalui Agrobank bagi pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan;
- (v) RM60 juta melalui Agrobank bagi pembiayaan di bawah Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan;
- (vi) RM10 juta bagi pelaksanaan Program Pengembangan Akuakultur secara geran padanan kepada pengusaha mikro; dan
- (vii) RM100 juta bagi projek pertanian serta penternakan berimpak dan bernilai tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkukuh kelangsungan pelbagai sektor komoditi, langkah-langkah yang akan dijalankan termasuk meneruskan program pemilikan Sijil Minyak Sawit Mampan dengan peruntukkan RM20 juta dan geran padanan RM30 juta untuk menggalakkan mekanisasi dan automasi.

Selain itu, dalam RMKe-12, kerajaan juga akan menyediakan dana pusingan berjumlah RM500 juta bagi pinjaman Program Pembangunan Ladang Hutan.

Kerajaan akan menyediakan RM50 juta bagi program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 orang kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia. Selain itu, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan RM50 juta peluang pekerjaan kepada 500 orang daripada komuniti setempat dan Orang Asli sebagai jurupandu pelancong.

#### ■1220

Seterusnya, langkah bagi mengukuhkan sektor pelancongan termasuk bagi memastikan ketersediaan tempat tumpuan pelancong, sebanyak RM50 juta disediakan bagi penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di seluruh negara dan RM20 juta bagi menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi Kampung-kampung Budaya.

Di samping itu, Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada peniaga pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa dan pemandu pelancong yang terjejas dan penjaja di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Strategi 3 adalah untuk mengutamakan automasi dan pendigitalan di mana RM1 bilion diperuntukkan untuk Skim Transformasi Pendigitalan Industri; dan dana tambahan berjumlah RM150 juta disediakan bagi Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi.

Strategi keempat adalah untuk memudahkan akses pembiayaan terutamanya bagi membantu usahawan PKS dan PKS mikro.

Di bawah langkah ini, inisiatif termasuk RM300 juta bagi kemudahan pembiayaan Skim Lestari Bumi; pengenalan Platform Bayaran Digital Rangkaian Bekalan Nasional- *National Supply Chain Platform*, bagi memanfaatkan PKS yang mengalami masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Selain itu RM50 juta akan diperuntukkan bagi platform *peer-to-peer* (P2P) terutamanya untuk memacu pembiayaan invoice. Kredit mikro pula disediakan bernilai hampir RM1.2 bilion melalui TEKUN, PUNB, Agrobank, BSN dan institusi kewangan lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jaminan pinjaman, kerajaan akan meningkatkan jaminan sehingga RM10 bilion di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan, dengan RM2 bilion diperuntukkan bagi usahawan bumiputera. Manakala untuk syarikat korporat yang terlibat dalam industri minyak dan gas, dan aeroangkasa, jaminan bernilai RM3 bilion dikhususkan di bawah Skim Jaminan Prihatin Danajamin sehingga tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pembiayaan untuk syarikat *start-up* berteknologi, RM30 juta diperuntukkan secara geran padanan untuk dilabur ke dalam platform *Equity Crowd Funding* di bawah seliaan Suruhanjaya Sekuriti.

Matlamat ketiga ialah ketahanan ekonomi. Belanjawan ini akan dijajarkan kepada keutamaan dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas, dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Belanjawan 2021 merupakan belanjawan yang mengembang ataupun *expansionary*, jumlah perbelanjaan terbesar dalam sejarah dengan nilai sebanyak RM322.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM236.5 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus, RM69 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, dan RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19, manakala RM2 bilion diperuntukkan bagi simpanan luar jangka.

Bagi memastikan perbelanjaan kerajaan mempunyai pengganda tinggi kepada ekonomi, sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4 bagi menjalankan projek kecil dan sederhana. Kerajaan melalui MARA juga akan menyediakan RM50 juta sebagai akses pembiayaan kepada kontraktor pembinaan di bawah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres- SPIKE.

Pada masa ini, hasil kerajaan adalah sekitar 15 peratus daripada KDNK termasuk hasil berkaitan petroleum sekitar tiga peratus. Kerajaan terus memastikan kemapanan sumber hasil bagi membiayai perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus.

Strategi kutipan hasil akan ditambah baik termasuk membasmi aktiviti penyeludupan terutama barangan berduti tinggi. Dengan izin, *Multi-Agency Task Force* akan diperkasa dengan penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional.

Mulai 1 Januari 2021, kerajaan juga akan melaksanakan langkah-langkah seperti membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu, dan mengenakan cukai ke atas rokok dan produk tembakau di semua pulau bebas cukai.

Kerajaan juga akan mengenakan duti eksais pada kadar ad valorem 10 peratus ke atas semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk *vape* berkuat kuasa 1 Januari 2021. Manakala cecair rokok elektronik akan dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua berkaitan dengan agenda pembangunan lima tahun negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sebanyak RM15 bilion disediakan bagi membiayai infrastruktur pengangkutan antaranya ialah projek Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Baru, dan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa Pertama.

Beberapa projek baharu berjumlah hampir RM3.8 bilion akan dilaksanakan termasuk bagi melengkapkan projek *Central Spine Road* di jajaran baharu di negeri Kelantan dan Pahang; menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang, Terengganu; serta menaik taraf Jalan Persekutuan menghubungkan Gerik, Perak ke Kulim, Kedah.

Bagi lima (5) buah koridor wilayah pembangunan ekonomi, projek-projek pembangunan akan diteruskan dengan peruntukan RM780 juta. Selain itu, galakan cukai sedia ada bagi Koridor Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Iskandar Malaysia dan Koridor Pembangunan Sabah dilanjutkan sehingga 2022.



Bagi tahun 2021- negeri Sabah dan Sarawak akan menerima peruntukan perbelanjaan pembangunan masing-masing sebanyak RM5.1 bilion dan RM4.5 bilion termasuk untuk membina dan menaik taraf infrastruktur air, elektrik, jalan raya serta kemudahan kesihatan dan pendidikan.

Strategi 3 adalah untuk memperkasa peranan GLC dan masyarakat sivil. Kerajaan berhasrat bekerjasama dengan NGO dan perusahaan sosial- *social enterprise*, dalam agenda pembangunan negara. Geran sebanyak RM100 juta akan dipadankan dengan sumbangan daripada yayasan milik GLC untuk memperkasa NGO bagi inisiatif melibatkan peningkatan pendapatan dan penjanaan peluang pekerjaan, menangani isu sosial dan pemeliharaan alam sekitar.

Seterusnya, kerajaan akan menjalankan program pembangunan perusahaan sosial dengan peruntukan RM20 juta kepada *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre* dan agensi yang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, strategi keempat, menjamin kelestarian sumber. Kerajaan dengan kerjasama strategik PBB di Malaysia akan menubuhkan Dana Amanah *Malaysia-SDG* atau *MySDG Trust Fund* dengan peruntukan permulaan berjumlah RM20 juta.

Kerajaan berhasrat untuk menerbitkan Bon Kelestarian pertama di Malaysia untuk tujuan alam sekitar dan sosial pada tahun 2021. Sebagai tambahan, bagi terus menggalakkan terbitan produk *Sustainable and Responsible Investment (SRI)* pengecualian cukai pendapatan sedia ada bagi geran Sukuk Hijau SRI diperluas kepada semua jenis sukuk dan bon serta pengecualian ini akan dilanjutkan sehingga tahun 2025.

Selanjutnya, kerajaan juga akan meneruskan *Green Technology Financing Scheme 3.0* dengan dana RM2 bilion selama dua tahun sehingga tahun 2022 yang akan dijamin oleh Danajamin bagi menggalakkan terbitan sukuk SRI.

Bagi terus memelihara khazanah alam, inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk RM50 juta untuk menangani isu sampah dan sisa pepejal di sungai. Sebanyak RM10 juta bagi melaksanakan projek *Integrated Island Waste Management*, dan RM20 juta untuk Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti melalui pengambilan lebih 500 bekas tentera dan polis serta Orang Asli untuk menjalankan aktiviti rondaan.

Selanjutnya, program SAVE 2.0 diperkenalkan iaitu pemberian *e-Rebate* RM200 kepada isi rumah yang membeli alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga buatan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tunjang negara, langkah untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan turut menjadi keutamaan.

Memandangkan kita ini hidup dalam norma yang baharu, saya menyeru lebih banyak kementerian dan agensi menyahut pendekatan *paperless* yang lebih mesra alam dan menjimatkan kos.

Sebagai contoh saluran alternatif sistem penyampaian, Jabatan Pengangkutan Jalan juga akan menambah baik bilangan kiosk perkhidmatan di 50 buah lokasi strategik di seluruh negara.

Kerajaan juga memperuntukkan RM14 juta untuk menaik taraf infrastruktur serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi di Kementerian Luar Negeri serta pendigitalan perkhidmatan konsulat Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat untuk mengambil 100 orang pegawai SPRM bagi meneruskan agenda berteraskan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi menambah baik kemudahan anggota perkhidmatan awam, inisiatif yang akan dilaksanakan dengan kenaikan kadar elaun RM6 kepada RM8 sejam untuk lebih 1,900 Pegawai Bomba Bantuan mulai 2021.

Selain itu, sebagai menghargai jasa dan bakti anggota perkhidmatan awam, Bantuan Khas Kewangan RM600 untuk kakitangan awam Gred 56 dan ke bawah, dan Bantuan Khas Kewangan RM300 bagi pesara kerajaan dan veteran tidak berpencen akan diberikan. Kedua-dua bantuan ini akan dibayar pada awal 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan sekali lagi bahawa belanjawan ini mengutamakan *survival* kebangsaan kita, satu azam yang memastikan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan.

Rakan-rakan Yang Berhormat Senator budiman, biarpun ada yang di luar sana menyinggung, tidak menyokong, saya pasti kita dalam Dewan ini bukanlah kelongsong tidak berisi hanya berbunyi tanpa berbudi... [*Tepuk*] Itu bukan kita di Dewan mulia ini.

Sebelum tahun 2020 melabuhkan tirainya, saya runtunkan biarlah belanjawan ini dijulang menjadi kanun saksi perpaduan dan sejarah yang dapat menyatupadukan kita, demi negara dan rakyat. Atas hakikat itulah, Belanjawan 2021 ini mengangkat sebagai tema, "Teguh Kita, Menang Bersama."

Semoga setiap hari-hari mendatang, segala urusan kita dipermudahkan. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

#### ■1230

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Setiap ungkapan serta penyampaian yang telah dibuat beliau, semoga dapat tempatnya dalam ingat dan juga persepsi serta persefahaman kita.

Sebelum membawa kepada penentuan-penentuan lain, diminta supaya sokongan diberi kepada ucapan dan penyampaian tersebut dan usulnya sekali. Sila.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, telah disokong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, diteruskan dengan penentuan dalam prosedur kita bahawa suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan tempoh persidangan yang disingkatkan ke pukul 2 petang, dengan hari perbahasan sebanyak tiga hari, maka waktu persidangan kini berbaki tiga jam pada setiap hari setelah mengambil kira waktu-waktu pertanyaan Jawab Lisan. Setelah dihitung, jumlah jam perbahasan kita adalah selama sembilan jam sahaja. Bagi membolehkan setiap Ahli seramai 54 orang berpeluang untuk berbahas, saya memutuskan setiap seorang Ahli diperuntukkan masa berbahas selama 10 minit.

Bagi Menteri-menteri menjawab pula, sebanyak dua hari diperuntukkan kepada 27 Kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri pada 22 Disember 2020 dan 23 Disember 2020, *insya-Allah*. Maka, saya memutuskan setiap Kementerian akan diperuntukkan selama 15 minit untuk menjawab tertakluk kepada perubahan sekiranya ada kementerian-kementerian yang tidak perlu menjawab kerana tiada isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kementerian berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya pergi kepada giliran untuk menyampaikan perbahasan dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

**12.32 tgh.**

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Segala puji bagi Allah selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad SAW.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada sahabat kita Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad yang baru sahaja dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengajak Dewan ini untuk kita merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum Profesor Diraja Tun Dr. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, Mantan Naib Canselor Universiti Malaya yang telah kembali ke *Rahmahtullah* pada 15 Disember 2020 pada usia 98 tahun. Di sudut peribadi, saya menganggap pemergian beliau selama-lamanya merupakan satu kehilangan besar buat rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, awal mula pertama bermula, saya bermula dengan mengaturkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana belanjawan negara untuk tahun 2021 yang

dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6 November 2020 yang lalu telah selamat diluluskan di Peringkat Dasar pada 26 November 2020 setelah mendapat sokongan majoriti suara Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Belanjawan ini juga, turut lulus di Peringkat Jawatankuasa di semua kementerian biar pun terpaksa melalui proses Undian Belah Bahagian yang amat memenat dan melelahkan. Hakikatnya, dengan izin Allah SWT juga, kerajaan telah memberikan pukulan lipat maut 27/0 tanpa balas kepada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, ganggu gugat terhadap belanjawan ini tercetus semata-mata adalah kerana kepentingan sempit politik kepartian dan kerana nafsu serakah individu tertentu yang kemaruk hendak menjadi Perdana Menteri. Sesudah melalak dan menyalak mendakwa konon dia mempunyai sokongan majoriti Ahli Parlimen pada 23 September 2020 yang lalu, sehingga sanggup mengheret Istana Negara dendangan "*I have the numbers.*" Terbaru, "*Saya ada nombor 113*", saya hendak tanya nombor apa, manakah nombornya?

Kepada orang yang kemaruk hendak jadi Perdana Menteri ini yang mendakwa dia ada nombor, barangkali dia ada hanya empat nombor ekor sahaja. Hakikatnya habuk pun tidak ada. Sama sekali tidak disangka, buah cempedak menjadi nangka. Perangai buruk dan hodoh September 2008 diulang semula pada September 2020, inilah wirid harian dia siang, malam, pagi, petang, senja dan subuh semenjak 12 tahun yang lalu.

Kepada rakyat, lihatlah sendiri apa yang jadi kepada parti yang dipimpin oleh orang ini, tunggang langgang dan berpecah belah. Pembangkang yang diketuainya juga semakin tiada arah, jika semuanya membawa musibah apakah kita hendak memperjudikan nasib dan masa depan negara kepada orang seperti ini? Saya percaya negara akan hancur dan musnah. Kepada si PM tepi ini, yang barangkali merupakan pemegang rekod *PM in waiting* paling lama di dunia, saya hadiahkan kepadanya dengan serangkap pantun.

*Burung Selayak mandi berembun;  
Turun sawah makan padi;  
Tidak layak awak itu berkebun;  
Tanam pinang kelapa mati.*

Berkebun pun tidak layak, apa entah lagi hendak menjadi Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun diasak, dikecam dan diugut saban hari, pada setiap waktu, termasuk untuk menggagalkan Belanjawan 2021 dan menggulingkan Kerajaan Perikatan Nasional namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin tetap kekal tenang dan sabar meneruskan kepimpinan negara. Belanjawan berjumlah RM322.5 bilion yang terbesar dalam sejarah negara ini dirangka demi kelangsungan hidup rakyat, demi memelihara kesejahteraan rakyat, demi menghadapi

cabaran ekonomi dan seterusnya menjana semula pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Ini juga bukti kerajaan memahami keresahan yang sedang dihadapi oleh rakyat. Rakyat perlu dibela, kerajaan berperanan menunjukkan jalan keluar kepada rakyat, angkara situasi semasa. Belanjawan 2021 ini saya lihat berupaya untuk meredakan keresahan rakyat. Dalam hal ini, ternyata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat keputusan yang amat tepat dan bijak dengan melantik sahabat kita Yang Berhormat Menteri Senator YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, seorang tokoh perbankan muda kebanggaan negara sebagai Menteri Kewangan. Tidak salah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik beliau laksana kata pantun Melayu.

*Padang Temu Padang Baiduri;  
Tempat Raja membangun kota;  
Bijak bertemu dengan Jauhari;  
Bagaikan cincin dengan permata.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makhluk Allah, sudah tentu terdapat sedikit sebanyak kekurangan dan kelemahan kita, begitu juga dengan Belanjawan 2021 ini, tidaklah 100 peratus sempurna. Ini kerana kesempurnaan itu hanyalah milik Allah SWT, sebab itulah belanjawan ini boleh di bahas, boleh ditegur dan boleh diberikan kritikan membina dengan tujuan untuk ditambah baik, bukan untuk dipersendakan dan ditolak mentah-mentah secara keseluruhannya.

Kita dengar pelbagai bantuan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan ini khususnya untuk kumpulan B40 dan M40, malangnya masih ramai rakyat yang tidak tahu kaedah dan cara hendak memohon dan saluran apa yang perlu mereka gunakan. Kesemua kementerian yang terlibat sepatutnya menjadi pemudah cara. Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu memperhebatkan promosi dan memperbanyakkan program penerangan kepada rakyat cara dan bagaimana bantuan ini boleh dipohon dan diperolehi.

Ada bantuan yang terpaksa dibuat secara atas talian tetapi jangan kita lupa di kawasan pedalaman capaian Internet nya terhad bahkan di kawasan-kawasan tertentu hampir tiada langsung. Terlanjur menyebut fasal Internet ini, saya rasa sudah sampai masanya untuk kerajaan menubuhkan majlis perundingan di kalangan pakar-pakar Internet dan telekomunikasi, guna mencari jalan bagaimana masalah capaian Internet dapat diselesaikan secara menyeluruh dan mutlak.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, tatkala membahaskan Titah Diraja pada September lalu, saya telah membangkitkan isu cukai ke atas *vape*. Terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian

Kewangan yang proaktif dan responsif dalam isu ini. Langkah mengumumkan dalam belanjawan bahawa dalam duti eksais pada kadar 10 peratus akan dikenakan semua jenis peranti *vape* dan 40 sen setiap mililiter ke atas cecair tanpa nikotin mulai 1 Januari tahun depan adalah sesuatu yang amat dialu-alukan.

Pun begitu, persoalan utama di sebalik saranan agar kerajaan mengenakan cukai ke atas *vape* ini sepatutnya bukan terfokus kepada peranti dan cecair tanpa nikotin sahaja. Ia perlu diperluaskan kepada cecair yang juga mengandungi nikotin. Ini kerana cecair bernikotin jauh lebih besar penggunaannya di kalangan penggemar *vape*. Jika cecair *vape* bernikotin turut dikenakan cukai, *insya-Allah* saya percaya kerajaan boleh mengutip cukai berganda dan meraih pendapatan tambahan antara RM3 hingga RM4 bilion setahun. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan peluang keemasan ini- alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan, alang-alang mencukai biarlah berbaloi.

Dalam hal ini, saya ingin memohon ampun dan maaf untuk berterus terang. Pada hemat dan pemerhatian saya bahawa Bahagian Kawalan Penyakit Sektor Kawalan Tembakau, Kementerian Kesihatan Malaysia terlalu lembap. Sehingga ke hari ini mereka masih gagal untuk menentukan peratusan kandungan nikotin yang dibenarkan dalam cecair *vape*. Isu ini sudah pun berlarutan sejak tahun 2015 lagi. Dek kerana kelembapan mereka inilah telah menyukarkan pihak Kastam Diraja Malaysia yang telah pun bersiap sedia untuk mengenakan cukai ke atas cecair *vape* bernikotin.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya mendapat maklum balas daripada pemain-pemain industri *vape* ini bahawa mereka diberi layanan buruk setiap kali berurusan dengan bahagian ini. Saya boleh memberikan nama pegawai berkenaan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan jika beliau mahu dan berminat ingin tahu siapakah pegawai tersebut. Pegawai tersebut sepatutnya belajar daripada kehebatan dan kecekapan bos mereka iaitu Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah.

Saya tidak berhasrat untuk berkonfrontasi dengan mana-mana pegawai kerajaan yang telah mencurahkan khidmat dan bakti mereka dengan cemerlang kepada rakyat serta negara. Namun kita kesal terdapat segelintir pegawai kerajaan yang bertindak seperti *Little Napoleon* dengan izin, bak kata pepatah, "*Seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit*", dek "*Kerana nila setitik habis rosak susu sebelanga*".

Tuan Yang di-Pertua, masa habis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis. Buangkan ayat yang terakhir. Simpulkan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Okeylah. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa loceng berbunyi masih tidak habis ucapan tadi, sila sambungkan itu dalam bentuk tulisannya dan disampaikan kepada kementerian. Itu caranya bagi kita untuk menentukan supaya kelangsungan ucapan itu dapat diterakan dan dijelaskan maksud yang sebenar. Terima kasih.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili.

#### **12.44 tgh.**

**Tuan Zaidi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama ikut serta dalam perbincangan Belanjawan 2021 ini yang mana temanya ialah 'Teguh Kita, Menang Bersama'. Satu belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mencadangkan satu jumlah wang iaitu RM322.5 bilion untuk Belanjawan 2021.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini satu bentuk belanjawan yang tujuannya ialah untuk menjana dan merencanakan ekonomi negara ketika negara berhadapan dengan satu keadaan yang agak sukar, berhadapan dengan pandemik COVID-19. Kehidupan rakyat terancam kerana ramai yang kehilangan pekerjaan dan banyak perniagaan yang terjejas. Akan tetapi dalam keadaan yang sukar seperti ini, inilah merupakan belanjawan yang terbaik untuk negara kita menangani banyak masalah. Masalah ekonomi dan kesihatan dalam suasana politik yang tidak begitu stabil.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentukan majlis kerja negara yang mana dalam keadaan ekonomi yang agak muram seperti ini maka hasrat kerajaan untuk membentuk dan mewujudkan 500 ribu peluang pekerjaan baharu. Ini satu harapan kepada rakyat kita, khususnya mereka yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan belanjawan ini iaitu soal perumahan. Dikatakan di sini RM1.2 bilion untuk pembeli-pembeli berpendapatan rendah untuk membeli rumah, projek perumahan rakyat, Rumah Mesra Rakyat, rumah untuk kakitangan perkhidmatan awam, rumah PR1MA dan juga rumah untuk sewa beli.

Jadi, langkah-langkah ini satu langkah yang cukup baik dan ia akan memberikan impak yang besar kepada ekonomi negara. Kalau projek-projek ini berjalan, bermakna ada peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang terlibat dalam industri pekerjaan dan juga pembinaan. Jadi, kalaulah ini dapat diteruskan, maka satu usaha yang baik yang dibuat oleh kerajaan menerusi belanjawan ini untuk meningkatkan ekonomi negara.

Saya hanya hendak tahu kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jumlah projek-projek ini yang boleh dilanjutkan kepada Negeri Sarawak khususnya Skim Perumahan PR1MA dan Skim Rumah Mampu Milik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya lihat ialah Skim Insurans Pekerjaan yang juga disebutkan dalam belanjawan ini. Jadi saya rasa apabila kita meluluskan Akta Skim Insurans Pekerjaan ini dalam tahun 2017 yang berkuat kuasa pada tahun 2018, kita mengambil langkah yang baik dan betul kerana kita mewujudkan sebuah *solidarity fund*, iaitu sebuah tabung untuk kegunaan bersama yang tujuannya untuk memberikan perlindungan kepada pekerja sejajar dengan negara kita yang mencapai matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi. Dasar Perburuhan dan Pekerjaan serta ekonomi negara yang perlu ditransformasikan supaya berdaya saing, fleksibel dalam kita menghadapi persaingan global yang semakin sengit.

Inilah dahulu tujuan kita membuat akta ini. Akan tetapi nampaknya kita khuatir bahawa Revolusi Industri 4.0 boleh menjejaskan peluang-peluang pekerjaan, *very destructive industry*, dengan izin. Akan tetapi nampaknya apabila kita dilanda pandemik COVID-19 ini, Akta Skim Insurans Pekerjaan ini lebih memberi manfaat kepada pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan.

#### ■1250

Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya Skim Insurans Pekerjaan ini dilanjutkan, bukan hanya kepada mereka yang bekerja dalam sektor swasta, tetapi juga kepada mereka yang bekerja sendiri seperti nelayan, petani, mereka yang bekerja sebagai *e-hailing*, sebagai *rider* makanan dan juga mereka yang berniaga secara *online* supaya mereka boleh diberikan peluang untuk ikut serta di dalam Skim Insurans Pekerjaan ini. Bila mana mereka kehilangan pekerjaan, mereka ada tempat untuk sekurang-kurangnya untuk beberapa bulan, apabila mereka diberhentikan kerja, mereka ada bantuan kewangan, ada perlindungan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat baru-baru ini, ramai yang heboh bercakap tentang KWSP, I-Sinar lah dan sebagainya. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kita mencarum kepada KWSP ini iaitu untuk Akaun 1, kah, Akaun 2, kah, tujuannya adalah untuk hari persaraan kita. Akan tetapi, bagaimanapun saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memperkasakan Skim i-Saraan KWSP supaya memberi peluang yang lebih luas kepada mereka yang bekerja sendiri, mereka yang berpendapatan rendah dan mereka yang boleh mencarum sekarang untuk ikut serta di dalam Skim i-Saraan ini.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan dalam Dewan ini berapakah jumlah pencarum di dalam Skim i-Saraan sekarang ini? Apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan skim ini dan menarik lebih ramai lagi rakyat untuk menyertai skim ini. Pada saya, skim ini tidak seharusnya disekat pada tahun 2022 sahaja, tetapi harus dibuka.

Saya juga hendak tahu, berapa ramaikah pencarum di bawah skim ini? Kalau boleh, kuatkan kempennya supaya menjelang tahun 2021, sekurang-kurangnya 1.5 juta orang



pencarum di bawah Skim i-Saraan ini. Ini satu perkara yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan di bawah Skim i-Saraan ini. Kita bercakap tentang i-Sinar dan sebagainya, tetapi saya rasa, berikan juga penekanan kepada memperkasakan Skim i-Saraan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, ini fasal TVET Malaysia. Saya melihat bahawa kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah RM300 juta untuk pinjaman kepada 24 ribu orang pelajar bagi melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang pendidikan dan latihan vokasional. Jadi saya harap, skim ini akan memberikan manfaat kepada belia-belia kita. Ini kerana, pada masa yang lalu, dikatakan bahawa tarikan kepada belia untuk menyertai TVET ini, ada bantuan di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini tidak mendapat sambutan yang baik oleh belia.

Maka, saya minta supaya Kementerian Sumber Manusia, bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), supaya dapat menarik lebih ramai belia untuk mengikut serta di dalam Skim Pembangunan Sumber Manusia di bawah TVET.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada apa yang telah disebut dalam belanjawan ini ialah tentang makanan tambahan. Saya mencadangkan, supaya Rancangan Makanan Tambahan di sekolah tidak hanya dihadkan kepada sekolah rendah sahaja. Akan tetapi, seharusnya dilanjutkan kepada sekolah menengah rendah, sekurang-kurangnya hingga ke Tingkatan 3 kepada mereka yang layak. Pelaksanaannya kita berikan secara baucar bayaran dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menggulung ucapan saya ini dengan mengatakan bahawa mana-mana perkara yang belum dapat saya- untuk sini, saya akan majukan kepada sekretariat ataupun pihak setiausaha untuk ke perhatian kementerian-kementerian yang lain. Dengan ini, saya menyokong belanjawan ini dengan sepenuhnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Saya suka membuat sedikit pemerhatian. Oleh sebab masa terhad, lebih wajar kalau Yang Berhormat Senator berhujah dan juga dalam konteks berdebat, tidak hanya membaca ucapan.

Jika dia baca ucapan, jika sampai masa, banyak idea yang Yang Berhormat Senator tertinggal jadi terpaksa menulis atau menyambung kepada kementerian. Buat kaedah itu, maka, bukan sahaja hajat dan poin, natijah masing-masing dapat dirangkul dan dirumuskan, tetapi juga membiasakan kita meningkatkan tahap perdebatan kita di Dewan mulia ini.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

**12.56 tgh.**

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apendi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam satu Malaysia Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

*Alhamdulillah*, terima kasih bajet yang dibentangkan oleh kerajaan diluluskan di dalam Dewan Rakyat semalam. *Insyaa-Allah*, realiti bajet yang dibentangkan pada masa dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tempoh hari berjumlah RM322.6 bilion.

Akan tetapi, hari ini ia telah dikecilkan kepada RM307 bilion kalau pada nota yang diberikan hari ini. Makna kata ada berlaku pengurangan daripada apa yang dibentangkan pada tempoh hari. Sebelum itu, saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud antaranya, katakanlah sesungguhnya Allah yang melapangkan rezeki sesuatu, sesiapa dan Allah juga yang membatasi rezeki kepada sesiapa. Jadi, makna di sini, kita mesti menerima realiti dan hakikat bahawa realiti yang berlaku hari ini realiti luar biasa, bukan setakat di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, realiti yang berlaku juga sekarang ini bajet yang dibentangkan sama ada sebanyak RM322.6 bilion ataupun RM307 bilion, seperti mana yang dibentangkan pada nota hari ini ia melibatkan RM86 bilion pinjaman. Untuk membelanjakan Bajet 2021 ini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM86 bilion pinjaman, manakala pendapatan yang diramalkan adalah RM322 juta ditolak dengan RM86 bilion.

Pada masa yang sama, kalau kita lihat pada muka surat dua, pada penyata yang dihantar pagi ini, untuk perbelanjaan pada tahun 2021, kita kena belanja untuk hutang negara sejumlah RM39 bilion. Maknanya, tadi RM86 juta, ini RM39 juta. Itu duit yang tidak- RM39 bilion, duit yang tidak boleh diguna secara produktif kerana sudah dipetakan untuk membayar hutang. Itulah realiti yang berlaku dan kita akan menjangkakan pada tahun-tahun yang berikutnya, bayaran hutang ini pada tiap-tiap tahun berikutnya, jauh lebih besar daripada RM39 bilion seperti mana yang dicatatkan pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, sebagai mewakili Senator dari Kelantan, atas pesanan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan yang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pentadbiran Putrajaya semasa di bawah pimpinan perbendaharaan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang telah memberikan peruntukan sebanyak RM180 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2020 hingga menyebabkan kita boleh meningkatkan bajet negeri Kelantan daripada RM700 juta sebelumnya, baru-baru ini kita bentang sebanyak RM1 bilion. Nilai bajet kita RM1 bilion termasuk pendapatan RM180 juta yang diberikan oleh Kerajaan Pentadbiran Putrajaya.

Sebelum itu, untuk saya maklumkan pada Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun berturut-turut sebelum itu Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan bajet surplus, RM17 juta pada

tahun 2017, RM38.7 juta pada tahun 2018 dan RM40 juta pada tahun 2019, bajet tiga tahun surplus. Ini berbanding dengan Kerajaan Persekutuan bermula tahun 1997 sehingga sekarang tidak pernah membentangkan bajet surplus dalam tempoh 20 tahun lebih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, berpesan kepada saya untuk meminta Kerajaan Persekutuan menggunakan satu istilah sahaja dalam memberikan wang kepada negeri Kelantan.

#### ■1300

Kita tidak hendak sekali menggunakan “ihsan.” Kedua pula menggunakan “*one-off*”. Ketiga pula menggunakan istilah-istilah lain. Jadi sebab itu kalau berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pada 1974, yakni Dato’ Haji Mohamed Nasir dan Pengerusi Petronas dan juga Setiausaha pada waktu itu yang telah dengan nyata menyatakan bahawa dalam perjanjian tersebut, Petronas hendaklah membayar wang tunai kepada kerajaan selama tahun sebanyak yang setara dengan lima peratus dan daripada nilai petroleum yang didapati dan diperoleh di Kelantan.

Jadi, kita hanya menggunakan satu istilah, jangan lagi menggunakan perkataan “ihsan”, jangan lagi menggunakan “*one-off*” tetapi menggunakan wang tunai untuk Kelantan seperti mana perjanjian yang ditandatangani pada 1974. Di samping itu juga, pada perjanjian yang sama juga telah menyatakan cara pembayaran. Dibayar setiap tengah tahun yakni pembayaran pertama pada bulan September dan pembayaran kedua pada bulan Mac tahun yang berikutnya.

Di samping itu juga saya sangat mengharapkan sebagai mewakili rakyat Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan, kita sangat mengharapkan. Kerajaan Persekutuan dan Petronas telah pun menubuhkan petrokimia di negeri Terengganu, di Kerteh, Dungun yang mempunyai 10 *gas processing plants* (GPP). Akan tetapi rezeki Terengganu *alhamdulillah*, kita bersyukur.

Kita Kelantan, oleh sebab perjanjian telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Perdana Menteri yang pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamed, pada ketika itu Yang Amat Berhormat Tuan Guru Nik Abdul Aziz juga telah ditandatangani untuk menubuhkan satu buah kompleks petrokimia di Pantai Senok, Tawang, Bachok telah ditandatangani pada 1997, sudah ditandatangani. Memandangkan semua kolam ataupun platform-platform pelantar minyak hanya berjarak 140 kilometer berbanding dengan ke Chana di Patani, 270 kilometer, dan ke Terengganu lebih daripada 270 kilometer. Jadi Terengganu ada 10 *gas processing plants*. Di Chana satu *gas processing plant*.

Apa yang menyedihkan, saya dilantik oleh sebuah syarikat Belanda, ‘Netcap’ Asia untuk mengukur laluan *pipeline* dari Chana ke Sadao-Bukit Kayu Hitam, dan ke Perai. 270 kilometer laluan gas di dalam lautan, sampai ke Chana. Chana sampai Bukit Kayu Hitam, Bukit Kayu Hitam ke Perai. Jadi saya rasa terkilan dan sangat sedih kerana saya terlibat dan saya tahu dibina ke Thailand tetapi akhirnya datang ke Penang. Kenapa tidak langsung ke

Kelantan, 140 kilometer? Jadi perkara-perkara itu perkara yang lepas. Rakyat Kelantan tidak pernah marah tetapi rakyat Kelantan memohon kepada kerajaan yang ada hari ini untuk memikirkan *for future of* negara kita oleh sebab jarak 140 kilometer.

Kolam dan telaga minyak ini tidak pernah habis. Minyak kah atau gas yang bermutu tinggi berada di perairan Malaysia. Tidak pernah habis. Ini jangan bimbang. Telaga baharu demi telaga baharu dijumpai oleh Talisman, Hess dan sebagainya.

Jadi telaga sentiasa ada. Akan tetapi demi sektor ekonomi pada masa depan, kita mengharapkanlah Kerajaan Pusat dan pentadbiran Putrajaya bersama Petronas juga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, memberikan satu- hadiah yang amat berharga kepada rakyat Kelantan dengan menubuhkan kompleks petrokimia di negeri Kelantan di tempat yang telah dijanjikan. Sudah ditandatangani di Pantai Senok, Bachok kerana negeri Kelantan sendiri telah memulakan denaknya dengan membina kilang Keloil berjumlah RM120 juta. Kerajaan Negeri Kelantan melalui PKNK telah membina Keloil, RM120 juta. Membina jalan dengan perbelanjaan RM20 juta, melantik konsultan, Ranhill Bersekutu dan juga rakan kongsinya Dorsch Consult... [*Sebutan tidak jelas*] ...Dari Jerman- kita belanjakan RM10 juta.

Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan hampir RM170 juta untuk merealisasikan projek ini walaupun kontrak-kontrak ini akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor kerajaan pemerintah pada ketika itu. Tidak mengapa. Apa yang penting, rakyat Kelantan mendapat manfaat.

Jadi oleh sebab itu saya memohon sangat, sebagai mewakili Kerajaan Negeri Kelantan, mewakili rakyat Kelantan supaya *this is the moments, this is the time* untuk kerajaan kembali memulakan kompleks petrokimia di Pantai Senok Tawang, Bachok untuk menyelamatkan, menjimatkan perbelanjaan Petronas pada masa depan. Ini kerana sektor ini menghadapi persaingan perniagaan yang penat dan memeritkan.

Di samping itu, saya juga mencadangkan pada masa yang sama kepada kerajaan untuk menambahkan tabung pendapatan negara, saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan semula tentang GST. Ini kerana sekarang ini kita mengamalkan SST, kita hanya *targeted group* sahaja yang kita kenakan tetapi GST ini kita kenakan kepada semua peniaga dengan rantainya sekali. Tidak ada orang boleh elak. Serantaian perniagaan tidak boleh elak bila kita menggunakan GST. Sebab itu bilamana dahulu kerajaan yang terdahulu melaksanakan GST, kita tidak nampak kesan kepada kenaikan kos barang-barang kerana ia rantaian dan akhirnya ada rebat oleh kerajaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan fokuslah demi ekonomi masa depan, fokus kepada sektor-sektor penyelidikan kerana hari ini RM500 juta daripada RM322 bilion untuk sektor penyelidikan. Terlalu kecil, 0.0018 peratus. Bagaimana kita hendak

bersaing dengan negara-negara maju yang lain Tuan Yang di-Pertua kalau itu sahaja nilai yang kita tabungkan untuk penyelidikan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita harus memfokuskan kepada persaingan menjadikan Malaysia destinasi pelaburan *international* seperti mana *Amazon*, seperti mana *Elon Musk* dengan syarikat *Tesla* dan sebagainya. Ini kerana nampaknya syarikat sudah mula lari ke Indonesia dan sebagainya.

Jadi saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

**1.06 ptg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berselawat] Allah SWT berfirman... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk menyembah Aku"*.

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, adakah rakyat Malaysia seramai 32.6 juta selama ini hidup dengan beribadah? Adakah membiarkan kilang arak beroperasi itu biadah? Adakah kita biarkan pusat judi terbesar di Asia beroperasi di Malaysia ini itu ibadah? Adakah kita biarkan amalan riba yang berleluasa itu ibadah? Juga adakah kita beribadah membiarkan aktiviti-aktiviti sukan yang kadang-kadang kita lihat macam tidak ada kain untuk menutup aurat? Adakah itu ibadah?

Maka sebab itu saya lihat COVID-19 ini merupakan bala Allah SWT ke atas Malaysia. Jadi dengan itu, saya mengajak rakyat Malaysia supaya beristighfar- *astaghfirullah*. Jumlah 32.6 juta rakyat Malaysia mesti memohon ampun kepada Allah SWT supaya wabak COVID-19 ini dihindarkan daripada kita secepat mungkin. Dengan itu juga kita merayu kepada kerajaan supaya melihat aktiviti-aktiviti riba ini diberhentikan. Aktiviti operasi kilang arak terbesar ini juga diberhentikan. Begitu juga dengan pusat judi terbesar diberhentikan. Mudah-mudahan dengan cara itu, hidup kita akan diberkati oleh Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, membincangkan dan membahaskan bajet ataupun Belanjawan 2021, saya merujuk kepada buku Tinjauan Ekonomi 2021 dan juga buku *Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021*. Saya mengucapkan *good luck*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada Kerajaan Malaysia yang akan berbelanja RM307,540,000,000 pada tahun ini bagi khususnya mengatasi COVID-19. Sebagai mana yang diuar-uarkan bahawa peruntukan tahun ini adalah untuk mengatasi COVID-19.

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buka buku ini dari tahun 2008, 2009, misi, visinya dan juga pelanggannya adalah sama sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya menjangkakan dan mengharapkan supaya tahun 2021 berbeza sedikit oleh sebab katanya,

Bajet 2021 merupakan bajet untuk mengatasi COVID-19 tetapi ia tidak berlaku. Hanya saya boleh ucapkan tahniah sedikit kepada Kementerian Pelancongan yang membuat peruntukan sebanyak RM200 juta untuk pemulihan aktiviti pelancongan di negara ini. Yang lain Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua buka buku ini, sama sahaja macam tahun lepas dan juga tahun-tahun yang sebelumnya.

Maka dengan itu, kita mohon Kementerian Kewangan supaya meneliti semula lebih realistik dan lebih praktikal dalam membentangkan buku "*Anggaran Belanjawan 2021*".

■1310

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada buku "*Tinjauan Ekonomi 2021*" yang mengenai jaringan keselamatan sosial Malaysia. Dalam kesimpulannya, saya ingin bacakan di sini, "*Susulan daripada COVID-19, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 8.3 peratus pada separuh pertama tahun 2020. Ekonomi dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2020 dengan pertumbuhan ekonomi diunjurkan menguncup lebih perlahan sebanyak 4.5 peratus. Pada 2021, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus seiring dengan jangkaan pemulihan perdagangan global, peningkatan sentimen pengurusan dan keyakinan perniagaan.*"

Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi ulasan kepada kesimpulan ini oleh sebab sekarang ini tahun Disember 2021, perkara yang dijangkakan telah berlaku dan boleh dianalisis. Maka dengan itu saya pohon supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi pencerahan berhubung dengan kesimpulan yang telah dikemukakan.

Saya ingin membangkitkan beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua khususnya kepada Kementerian Pertahanan yang diperuntukkan sebanyak RM15.8 bilion untuk tahun 2021. Soalan saya dengan peruntukan yang sebanyak itu, Kementerian Pertahanan bolehkah menyediakan penempatan atau perkampungan veteran seperti FELDA, membina rumah mampu milik kepada veteran dan meluluskan permohonan kos pembinaan rumah di tanah sendiri?

Saya juga ingin mengetahui sama ada Kementerian Pertahanan boleh menilai dan mengkaji semula jurang pencen dan kenaikan pencen tahunan veteran dengan kadar segera. Saya juga memohon Kementerian Pertahanan supaya meluluskan dana khas bagi tiga buah persatuan utama Persatuan Veteran TLDM, Persatuan Veteran Tentera Darat Malaysia dan Persatuan Veteran Tentera Udara Diraja Malaysia supaya persatuan itu dapat mengurus veteran dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertahanan, bolehkah Kementerian Pertahanan memohon untuk veteran diberi keutamaan pekerjaan di bidang keselamatan dalam sektor swasta dan gaji yang bersesuaian

memandangkan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki sepanjang bertugas dalam perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pengangkutan. Baru-baru ini telah diumumkan bahawa sebuah lapangan terbang baharu akan dibina di Kulim-Bandar Baharu. Soal saya dengan keadaan COVID-19 yang sedang menyerang dunia ini, adakah logiknya untuk kementerian membina sebuah lapangan terbang yang dikatakan bertaraf antarabangsa sedangkan juruterbangnya telah mendarat, penumpangnya tidak dapat terbang. Maka sebab itu saya cadangkan supaya Kementerian Pengangkutan menimbang semula dalam membelanjakan peruntukan bagi membina lapangan terbang Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kementerian ataupun Menteri Undang-undang. Saya memohon untuk Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan berhubung dengan permohonan ataupun surat yang telah saya kemukakan berhubung reformasi Dewan Negara yang telah dihasilkan pada tahun lalu. Begitu juga dengan status rayuan pengampunan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan ke atas veteran Mohd Saiful Suraj bin Abdullah yang telah diberhentikan daripada perkhidmatan oleh sebab-sebab yang dikatakan tidak adil kepada beliau. Maka sebab itu, beliau telah mengemukakan surat permohonan untuk mendapat pengampunan dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan supaya menangguhkan dulu untuk pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ini oleh sebab saya berpandangan bahawa pendapatan kerajaan tidak mampu menampung keperluan ataupun kos pembinaan projek-projek Rancangan Malaysia Kedua Belas. Maka sebab itu saya cadangkan kerajaan supaya melengkapkan semua projek Rancangan Malaysia Kesebelas untuk tempoh satu, dua, tiga tahun akan datang. Dengan cara itu, saya percaya kerajaan dapat memenuhi hajat ataupun objektif dalam memberi peruntukan sebanyak RM307 bilion pada tahun hadapan dalam mengendalikan sama ada peruntukan operasi ataupun peruntukan pembangunan Tuan Yang di-Pertua.

Dengan beberapa perkara itu saya mohon kepada kerajaan supaya melihat semula peruntukan yang telah diberi dan membandingkan dengan pendapatan yang dikatakan sebanyak RM240 bilion saja yang kita akan peroleh pada tahun hadapan lebih-lebih lagi dengan harga minyak yang merudum. Maka sebab itu pendapatan kerajaan tentunya berkurang dan saya khawatir segala aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, beredar kepada Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan Datuk Donald Peter Mojuntin.

**1.16 tgh.**

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Seri Mohamad Ali atas lantikannya sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua, dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang baharu, dan yang dilantik kembali.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa apabila pertama mendengar pembentangan Bajet 2021 ini. Ia satu bajet yang mementingkan kesejahteraan dan kesihatan rakyat dalam tempoh pandemik COVID-19 ini. Walau demikian apabila meneliti bajet ini dengan lebih terperinci dan mendalam lagi, banyak persoalan timbul yang menunjukkan usaha kerajaan dalam menangani serta mengurus risiko penularan COVID-19 dan merangsang ekonomi yang merosot akibat pandemik ini tidak mencukupi.

Sebagai contoh, bajet ini telah memperuntukkan RM3 bilion bagi program COVID-19 *vaccine access* ataupun COVAX. Persoalan-persoalan utamanya adalah adakah jumlah ini mengambil kira, satu, kos pengangkutan vaksin bukan sahaja dari luar negara, tetapi juga di dalam negara serta juga di dalam setiap negeri di Malaysia ini. Begitu juga dengan kos tempat penyimpanan vaksin tersebut apabila sampai ke tempat ataupun pusat inokulasi.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, *Pfizer* dan *BioNTech*, vaksin *Pfizer* dan *BioNTech* mesti disimpan dengan suhu negatif 70 darjah celsius. Adakah kerajaan sudah menyediakan kontena pengangkutan atau tempat penyimpanan *thermal ultra-freeze* yang diperlukan.

Kedua, kos logistik dalam usaha menginokulasi begitu banyak orang dalam tempoh yang singkat.

Ketiga, fakta bahawa kebanyakan jenis vaksin memerlukan dua (2) dos.

Keempat, fakta bahawa logistik pengangkutan vaksin memerlukan koordinasi yang tepat di antara kapal terbang dan pengangkutan darat untuk memastikan integriti vaksin itu tidak tertindas.

Kelima, pengenalpastian dan penyediaan tempat-tempat atau pusat-pusat yang sesuai untuk penyuntikan vaksin tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika mengambil kira kos-kos tersebut tadi, adakah peruntukan RM3 bilion itu mencukupi untuk menginokulasi 70 peratus penduduk dalam pusingan yang pertama seperti yang disasarkan oleh kerajaan.

Saya juga ingin bertanya di sini, adakah kerajaan sudah membuat jadual bagi pusingan kedua untuk pelaksanaan inokulasi seterusnya kepada rakyat.

#### ■1320

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh DUN Sabah, saya juga mempunyai obligasi untuk membawa pertanyaan jika Bajet 2021 ini memperuntukkan jumlah yang cukup bagi pembinaan dan menaik taraf makmal-makmal kesihatan di negeri Sabah supaya dapat menampung uji kaji COVID-19 yang melebihi 7,000- sampel sehari.



Saya difahamkan makmal-makmal kesihatan di negeri Sabah hanya dapat menampung uji kaji sebanyak 2,500 hingga 3,000- sampel sehari, yang selainnya dihantar ke Semenanjung Malaysia dengan kapal terbang TUDM yang juga memerlukan kos penghantaran yang melibatkan perbelanjaan dana pembayar cukai yang tinggi.

Selain itu, kaedah ini sangat tidak efisien dan mengambil masa yang lama. Tuan Yang di-Pertua, bukankah lebih berhemah dan praktikal bagi kerajaan untuk mempertingkatkan kapasiti uji kaji makmal-makmal kesihatan di negeri Sabah. Pandemik COVID-19 tidak akan hilang dalam masa yang pendek dan kemungkinan lain-lain penyakit yang berjangkit akan menular dari semasa ke semasa.

Dalam tempoh jangka panjang pembinaan baharu dan menaiktarafkan makmal-makmal kesihatan di negeri Sabah akan menjimatkan kos dan mempercepatkan proses untuk mendapatkan keputusan serta meningkatkan lagi keberkesanan intervensi kesihatan awam. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan dalam ucapan pembentangannya bahawa kerajaan meletakkan keutamaan melindungi rakyat melebihi segala perkara yang lain.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk melindungi rakyat negeri Sabah daripada pendatang asing tanpa izin atau tanpa dokumen yang telah dijangkiti COVID-19? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa penularan wabak COVID-19 di Sabah disebabkan oleh pendatang asing tanpa izin yang masuk ke negara ini tanpa dokumen, selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara pada 3 Oktober 2020.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa semua pendatang asing tanpa izin ini akan ditangkap, disaring dan akan ditempatkan dalam pusat tahanan sementara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah *progress* dalam usaha ini? Jumlah pendatang asing tersebut yang telah ditangkap, disaring dan ditahan setelah Perdana Menteri kita membuat kenyataan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sering kita baca dalam media dan kita dengar adalah apabila pihak Kementerian Kesihatan masuk ke tempat-tempat yang disyaki ada jangkitan terutama di mana pendatang asing tanpa izin disyaki berada, penduduk-penduduk di sana lari berkeliaran dan sukar untuk ditangkap.

Apakah langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah dan cabaran-cabaran ini? Jika keadaan ini tidak dapat dibendung maka besar kemungkinannya penularan COVID-19 di Sabah akan berleluasa dan lebih teruk lagi. Persepsi rakyat terhadap kerajaan akan bertambah negatif kerana rakyat kita sendiri didenda apabila didapati tidak mematuhi SOP, manakala pendatang asing tanpa izin ini pula yang telah dijangkiti bebas berjalan di pelosok dan merata tempat di negeri Sabah tanpa pengawalan.

Apa yang lebih dikhuatiri lagi Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sendiri telah menyatakan bahawa jenis COVID-19 daripada negara Filipina dan Indonesia, negara-negara jiran kita lebih dahsyat daripada yang ada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat penting, kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah ini membawa masalah yang banyak dimensinya. Dengan izin, *what is the government waiting for?* Berapakah lagi masalah-masalah yang perlu timbul sebelum kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang serius dan mencari penyelesaian yang tuntas terhadap kehadiran pendatang tanpa izin (PATI) di Sabah ini?

Peruntukan dalam Bajet 2021 harus juga memperuntukkan sejumlah wang dana untuk memperhebatkan lagi pengawalan atau pengawasan sempadan Pantai Timur Sabah dengan lebih anggota, pusat pengawalan mempertingkatkan dan membaik pulih peralatan-peralatan sedia ada serta perolehan peralatan-peralatan pengesanan dan aset-aset seperti kapal-kapal laut dan bot-bot yang lebih canggih.

Selain itu, usaha penangkapan dan saringan pendatang asing tanpa izin (PATI) harus dilipat ganda dan diperhebat lagi. Ini bermakna bahawa lebih banyak lagi pusat tahanan sementara diperlukan di negeri Sabah. Dalam masa yang sama insentif seperti pengampunan atau *amnesty* dan penghantaran balik ke negara asal harus juga ditawarkan kepada mereka yang akan menyerah diri. Semua ini memerlukan komitmen, tindakan tegas dan peruntukan yang tinggi daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti inilah yang seharusnya diberikan keutamaan dan bukan pembentukan kembali JASA atau J-KOM dengan peruntukan yang besar dan mempunyai fungsi yang bertindih dengan jabatan-jabatan yang sedia ada dalam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada semua Ahli Dewan Negara beragama Kristian dan selamat menyambut tahun baru 2021 kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Idris Haji Ahmad.  
**1.27 tgh.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Matlamat Belanjawan 2021 yang menggariskan tiga matlamat iaitu:

- (i) kesejahteraan rakyat;
- (ii) kelangsungan perniagaan; dan
- (iii) ketahanan ekonomi.

Perbelanjaan ataupun belanjawan yang disebut sebagai belanjawan yang menyeluruh yang mengenai semua peringkat rakyat, dari bawah hingga ke atas. Walau bagaimana terbaik

sekalipun tetap juga ditentang oleh 108 orang di Dewan Rakyat. Akan tetapi *alhamdulillah*, seramai 111 orang menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ialah saya hendak menyentuh berkenaan dengan hal yang berhubung kait dengan soal Lembaga Urusan Tabung Haji. Pertamanya, kita ucapkan terima kasih atas ketegasan kerajaan yang telah pun membatalkan penjualan kepada melalui tanah pemilikan *TH Plantations* kepada *Tamaco Plantation* iaitu kerajaan telah membatalkan pada 4 Disember 2020.

Kita harapkan supaya perkara-perkara seperti begini tidak lagi diulangi oleh kerajaan yang sekarang ini. Hal ini kerana kita lihat agak pelik bagaimana Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang membuat penilaian tanah tersebut bernilai RM198 juta. Setelah tiga kali dirayu oleh pihak Tabung Haji, dibuat oleh *TH Plantations*, tiga kali supaya diturunkan penilaian. Sepatutnya makin tinggi sebaliknya semakin rendah yang dirayu oleh pemilik itu sendiri. Sedangkan nilai asal ke atas aset ladang pada tahun 2017 yang dinilai oleh jurunilai profesional- CH Williams, Talhar dan Wong, nilai ia sebanyak RM387 juta.

#### ■1330

Sebelum ditukar juru nilai baharu oleh pengurusan baharu, lantikan kerajaan yang lalu dengan nilainya RM120 juta oleh Jurunilai Kong & Jaafar. Jadi lebih rendah daripada kos asal harga TH Plantation ini iaitu pada tahun 2013 yang bernilai RM234 juta.

Jadi, kita harapkan supaya pengurusan yang ada pada hari ini - pihak kerajaan yang ada, jangan simpan lah di Tabung Haji itu. Kalau boleh kita gantikan. Ini ialah satu pengkhianatan kepada seramai 9.4 juta orang pendeposit yang terdiri daripada kalangan orang-orang kampung dan orang-orang susah. Kadang-kadang mereka simpan RM10, kadang-kadang pada musim padi- mereka hantar ke Tabung Haji RM100. Ini terdiri daripada Mak Kiah di Tumpat, Mak Cik Rogayah di Bukit Gantang dan yang juga di tempat-tempat yang lain. Kita tengok tiba-tiba berlaku seperti mana apa yang kita lihat.

Oleh sebab itu, kita sekali lagi mengharapkan supaya janji pihak kerajaan untuk mewujudkan RCI mesti ditubuhkan supaya perkara ini dapat diselesaikan dan rakyat dapat melihat. Ini bukan soal untuk berpolitik. Ini ialah soal berkenaan dengan *survival* ekonomi yang dimiliki oleh orang-orang Islam itu sendiri. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah berkenaan dengan isu FELDA. Di sini kita dapat melihat ada dua peruntukan dalam belanjawan. Pertamanya ialah Program Sistem Bekalan Air FELDA yang melibatkan RM51 juta dan yang keduanya Program Kelestarian FELDA yang melibatkan RM400 juta. Manakala RM300 juta untuk menghapuskan hutang peneroka dan RM100 juta lagi untuk pembangunan bagi peneroka terutamanya di bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan supaya usaha yang telah dilakukan- saya menyokong penubuhan Pasukan Petugas Khas FELDA yang terdapat tiga cadangan yang dikemukakan untuk perhatian Jemaah Menteri. Yang pertamanya ialah penstrukturan semula

hutang. Ini telah pun disambut oleh pihak kerajaan dengan peruntukan RM300 juta bagi menghapuskan faedah hutang peneroka.

Yang keduanya, menamatkan perjanjian pajakan tanah yang meningkatkan pendapatan teras daripada tanah ladang FELDA. *Alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pengambilalihan semula tanah milik FELDA yang dipajak kepada *FGV Holdings* pada 13 Disember yang lalu.

Ketiganya, meningkatkan daya berdikari peneroka yang kini antara menjadi persoalan kepada kita. Dalam soal ini, kita juga mengharapkan ini merupakan salah satu daripada institusi yang ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956.

Matlamat sudah cantik untuk membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar. Kita telah tengok di kampung bagaimana orang-orang yang di luar bandar dahulunya miskin. Di kampung saya sendiri ramai peneroka-peneroka yang sudah senang apabila mereka pergi ke Rancangan FELDA. Akhirnya mengubah hidup mereka. Objektifnya tercapai tetapi ia agak menghadapi masalah.

Kita melihat sejarah buruk yang berlaku pada FELDA apabila- sejak lebih kurang 10 tahun yang lalu, apabila selepas penyenaian ke FGV, akhirnya ke Bursa Saham Malaysia. Maka kita tengok nilai tunai yang ada pada FELDA hanyalah dalam anggaran RM400 juta sahaja. Jadi, itu amat malang. Sedangkan dahulunya mereka memiliki harta ataupun tunai yang nilainya cukup banyak sehingga mencecah hampir RM25 bilion. Akan tetapi sekarang hanyalah ada RM400 juta sahaja. Jadi, kita mengharapkan sesuatu perlu dibuat untuk pembelaan pada FELDA ini sendiri.

Isu yang ketiga berkenaan dengan OKU. Walaupun saya ini bukan OKU, tetapi kita simpati dengan OKU kerana mereka juga kita anggap sebagai orang yang banyak memberikan sumbangan juga kepada pihak kerajaan. *Alhamdulillah*, di dalam Dewan kita ini pun ada wakil daripada OKU, Yang Berhormat Ras Adiba. Walau bagaimanapun, saya hendak bangkitkan sedikit berkenaan dengan Majlis OKU yang melibatkan NGO-NGO OKU. Satu lagi permohonan saya ialah supaya melibatkan juga Majlis-majlis OKU ataupun NGO-NGO OKU daripada kalangan luar bandar. Itu satu.

Keduanya kita harapkan Majlis OKU ini juga perlu diperkasa, dan ditambahbaikkan. Yang paling penting saya hendak cadangkan di sini supaya penubuhan Yayasan OKU mesti diwujudkan. Ini salah satu daripada satunya untuk kita hendak melibatkan OKU di dalam Yayasan. Keduanya kerana- ramai orang yang hendak menderma dan bersimpati dengan OKU supaya Yayasan OKU ini dapat ditubuhkan. Mereka yang mengurus juga biarlah daripada kalangan OKU juga. Jangan terdiri daripada orang macam saya, yang tidak OKU dan saya sempurna. Ini kerana orang OKU lebih tahu tentang nasib mereka dan perasaan yang ada kepada mereka.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan isu yang saya hendak bawa di tempat saya. Pertamanya ialah berkenaan dengan isu banjir kilat yang sering berlaku di Port Weld Matang Gelugor, Batu 26 Batu Hampar dan juga di Padang Gajah. Jadi, kita tengok selalunya di situ kalau di Kelantan, Terengganu, Pantai Timur orang boleh *standby* sudah. Hujan tahun bulan November, Disember, selalunya banjir di tempat mereka.

Akan tetapi di kampung saya ini, Tuan Yang di-Pertua, berlakunya kita tengok apabila berlakunya hujan. Pertengahan bulan hijrah, hujan lebat dan berlaku pada 15 hijrah. Selalunya berlaku banjir kilat setiap tahun. Cuba bayangkan- jumlah kejadian banjir kilat yang melibatkan kerosakan harta benda yang dimiliki oleh penduduk di sana? Sedangkan pihak kerajaan hanyalah bayar RM500 sahaja dalam satu tahun. Jadi, kita harapkan supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kini kita beralih kepada Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Belanjawan Negara bagi tahun 2021, dahulunya RM322 bilion. Kini setelah di-revise, telah menjadi RM307 bilion. Manakala perolehan negara pada tahun 2021 dijangkakan RM236.9 bilion.

Jadi, sebenarnya dalam Belanjawan, perbelanjaan tiada yang salah ataupun yang benar secara mutlak, selagi ia membawa manfaat yang baik untuk semua. Namun, dalam memastikan nilai integriti, ketelusan, kesamaan dan urus tadbir dijalankan dengan penuh keadilan, maka saya terpanggil dan mengambil sedikit masa untuk membahaskan RUU Perbekalan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat iaitu semalam dengan majoriti yang amat tipis.

Atas krisis politik yang terjadi, buat pertama sekali dalam sejarah Belanjawan Negara kali ini, mendapat pelbagai reaksi sehingga diubahsuai oleh Menteri Kewangan dalam penggulungan beliau. Belanjawan kali ini juga terpaksa melalui fasa demi fasa. Malah dibahaskan secara terperinci di peringkat Jawatankuasa sehingga sebahagian angka besar terpaksa disemak semula. Pasti ia mencerminkan keseriusan semua pihak untuk memastikan semua kebaikan ini dapat dirasai dan dipulangkan semula kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perlu disedari hampir setiap tahun dan tahun ini merupakan genap 22 tahun sejak 1998, kerajaan telah berturut-turut membentangkan belanjawan defisit. Malah nilai angka jauh lebih besar iaitu 17.7 peratus iaitu lebih kurang RM52.57 bilion pada tahun 2020 kepada 26.5 peratus iaitu RM85.4 bilion pada tahun 2021.

#### ■1340

Jadi jika cadangan balas yang dikemukakan diambil kira, kemungkinan besar saiz belanjawan negara akan bertambah lebih daripada RM307 bilion seperti yang diperuntukkan

sekarang. Jika hal ini berlaku dan jika pendapatan negara tidak seperti yang dianggarkan, kemungkinan besar defisit belanjawan akan melebihi daripada RM85 bilion dan jumlah peratus berbanding KDNK akan meningkat melebihi lima peratus.

Selama ini kerajaan menyarankan agar rakyat berbelanja secara berhemah, namun hakikatnya kerajaan juga terpaksa berbelanja besar melebihi pendapatan yang diperoleh. Rasionalnya berbelanja melebihi pendapatan yang diperoleh menyebabkan beban hutang negara semakin meningkat. Hutang tanggungan liabiliti negara pada Disember tahun ini telah mencecah hampir RM1.264 trilion atau 85 peratus berbanding dengan KDNK. Kajian oleh pakar ekonomi dari Universiti Harvard, Profesor Kenneth Rogoff menunjukkan sekiranya hutang kerajaan terus meningkat kepada 90 peratus berbanding KDNK, ekonomi akan sukar untuk berkembang.

Dalam keadaan ini, daya tahan ekonomi atau imunisasi ekonomi negara akan kekal menurun. Krisis kepercayaan pelabur luar terjejas disebabkan kenyahstabilan kerajaan pada waktu ini. Impak COVID-19 yang berlaku sekarang menjadikan ekonomi negara menjunam teruk dengan rakyat bakal mengalami krisis kewangan yang teruk beberapa bulan lagi dan kesannya kini telah mula dirasai.

Tuan Yang di-Pertua, selain golongan B40 yang semakin sengsara dalam ketidaktentuan ekonomi yang kian meruncing ini, sebenarnya golongan M40 juga turut terkesan sama. Ramai di antara mereka telah kehilangan pekerjaan, mata pencarian, bertambah buruk lagi dengan bebanan komitmen hutang yang besar meletakkan mereka sebagai salah satu kelompok yang perlu diberi perhatian yang sebaiknya. *Malaysia Employers Federation*, dengan izin, menganggarkan seramai hampir dua juta orang pekerja di Malaysia terkesan akibat krisis ekonomi yang sedang melanda. Anggaran sehingga Jun 2020 hampir 500 ribu orang rakyat sudah kehilangan pekerjaan. Kondisi ini jauh lebih parah berbanding dengan krisis kewangan Asia sekitar tahun 1997/1998.

Menyedari bahawa kos sara hidup yang semakin meningkat hari ini seperti harga barang keperluan harian, beban hutang dan perbelanjaan sampingan yang lain, sewajarnya satu bantuan bersasar kepada golongan M40 khususnya yang mempunyai tanggungan isi rumah yang besar perlu difikirkan oleh kerajaan. Ini bertepatan dengan pengumuman baharu paras garis kemiskinan yang telah diumumkan oleh kerajaan. Ini mengambil kira taraf hidup yang tinggi di bandar kerana sekarang segala-galanya memerlukan wang bagi meneruskan *survival* pada masa hadapan. Dengan berakhirnya pemberian moratorium dan penamatan i-Lestari pasti akan mengundang masalah kepada mereka.

Selain itu golongan M40 merupakan golongan yang terbesar menjana ekonomi negara termasuk merupakan kelompok majoriti sebagai pembayar cukai. Mutakhir ini sebahagian besar syarikat swasta mengambil langkah berjimat cermat yang melibatkan

pemotongan gaji, pengurangan tuntutan kerja lebih masa, tuntutan perbelanjaan perubatan dan tuntutan *claim* perjalanan disebabkan ekonomi yang tidak menentu.

Diharapkan dengan adanya bantuan yang berimpak kepada golongan M40 ini sedikit sebanyak mampu memangkinakan semula ekonomi negara. Strategi baharu dan lebih cermat, sangat perlu agar ekonomi domestik rancak kembali. Apa yang perlu difahami, kuasa membeli kelompok M40 dilihat adalah besar pada waktu ini. Dengan pengagihan bantuan sebegini, boleh membantu pencairan aliran tunai secara segera dan pantas supaya ekonomi lebih stabil serta dapat dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya singgung dalam perbahasan ini bahawa jaminan makanan negara bukan hanya melibatkan pengeluaran makanan ruji dan asasi semata-mata. Ia bersifat multidimensi meliputi aspek ketersediaan, *accessibility*, penggunaan dan kestabilan. Malaysia kekal sebagai pengimport makanan dengan sekurang-kurangnya  $\frac{1}{4}$  daripada jumlah keseluruhan bekalan makanan yang diimport iaitu sebanyak hampir 25 peratus. Ini bermakna Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap keberdikarian- iaitu *self-sufficiency* dalam bekalan makanan. Kadar import makanan negara pada ketika ini berjumlah hampir RM55 bilion setahun.

Pengeluaran dan tahap sara diri iaitu tahap kebolehpayaan menghasilkan bekalan tanaman bagi memenuhi penggunaan tempatan hanya meliputi dimensi ketersediaan. Tambahan pula ia tidak dapat mengambil kira kepentingan nutrisi makanan lain. Sudah tiba masanya agar sasaran polisi berkaitan pertanian dan makanan diperluaskan merangkumi faktor kualiti makanan seperti pertanian lestari, keselamatan makanan dan nutrisi serta pengeluaran tanaman serta makanan-makanan lain.

Di samping pertanian, penternakan juga merupakan lonjakan harga pasaran yang tidak menentu. Dua bidang yang saling berkait rapat. Kegagalan kita menjimatkan kos makanan ternakan akan memberi kesan kepada harga ternakan yang dijual di pasaran. Jika penanaman jagung bijirin ditanam secara berskala besar di Malaysia, ia mampu menghasilkan makanan ternakan yang lebih berkualiti. Ia juga boleh menjadi sumber *fibre* yang baik untuk makanan ternakan ruminan dan juga ternakan ayam. Kita juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan.

Setiap tahun 6.4 juta tan makanan ternakan diimport dari luar negara yang menyamai lebih kurang RM3.1 bilion. Ditambah dengan ketidaktentuan turun naik nilai mata wang, maka jumlah kos makanan adalah amat tinggi.

Projek perintis penanaman jagung bijirin di Kampung Dadong, Terengganu merupakan projek pertama penanaman bijirin jagung yang besar-besaran di Malaysia. Ia menjadi kejayaan besar dalam industri negara kerana sasaran projek tersebut melepasi piawaian antarabangsa bagi penanaman jagung iaitu lima tan metrik sehektar. Namun amat malang sekali walaupun berjaya, projek tersebut telah pun dihentikan. Saya berpendapat

kerajaan haruslah menunjukkan komitmen kerana daripada segi kos memang tinggi berbanding dengan import tetapi kita perlu ada sumber sendiri untuk memastikan sumber protein negara iaitu ayam kekal murah.

Saya melihat belanjawan kali ini tidak menyentuh aspek lain secara kolektif dan tiada inisiatif utama yang diumumkan. Negara kita perlu berada pada kemuncak era pertanian dan penternakan di mana negara jiran telah mengambil dan belajar daripada kita sebelum ini. Namun yang terjadi sebaliknya kita pula terpaksa bergantung pada hasil import dan kepakaran luar bagi memenuhi permintaan lokal dan domestik.

Mengenai perihal *food security* dalam surah Al-Quraisy ayat 4, Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antaranya bermaksud; “*Tuhan yang menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada kelaparan*”. Ketakutan rakyat apabila terpaksa mengikat perut dek kerana tidak mampu membeli makanan berkhasiat disebabkan harga pasaran melambung tinggi boleh dielakkan dan mengurangkan kebergantungan bahan makanan ternakan import dari luar. Kita perlu serius membangunkan kembali industri pertanian penternakan ini secara holistik seiring dengan perkembangan teknologi.

Jadi saya rasa sekadar itulah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan Yang Berhormat.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin ada poin yang boleh disimpulkan.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *[Ketawa]* Sekadar itu, *wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kita Yang Berhormat seperti membaca skrip. Maka bila hilang skrip kita hilang tip.

Saya kemukakan peluang kepada Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

#### 1.48 tgh.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan ruang masa yang diberikan kepada saya untuk turut melibatkan diri dalam ucapan perbahasan Belanjawan 2021.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita berbicara soal ekonomi rakyat, sudah tentu soal pekerjaan menjadi madah utama yang diketengahkan. Dalam kegawatan pasaran kerja yang menghantui ratusan ribu orang penganggur, kerajaan wajar mewujudkan pelan khusus bagi menjaring serta membantu para penganggur daripada kalangan *new graduates* dari kawasan-kawasan luar bandar yang masih mencari-cari peluang pekerjaan.

Daripada pengamatan saya, program jangka pendek pekerjaan atau MySTEP, yang dijangka akan membuka pintu peluang kepada kira-kira 15 ribu orang pencari kerja dalam



syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tidak akan mampu mewujudkan kelangsungan hayat pekerjaan seseorang graduan muda selagi takat umur persaraan nasional tidak diturunkan kepada 55 tahun.

#### ■1350

Tidak boleh kita nafikan kepadatan golongan otai- yang berumur lebih daripada 55 tahun yang masih bekerja khususnya dalam sektor awam merupakan punca utama kepada lambakan penganggur daripada kalangan graduan universiti yang kebanyakan daripada mereka terpaksa melakukan *odd job*, dengan izin, demi kelangsungan hidup.

Bukanlah satu dosa bagi seseorang graduan baharu yang mencari sumber rezeki dengan melakukan kerja-kerja sebagai penghantar makanan dan pemandu *Grab Car* tetapi usaha merencanakan pembangunan ekonomi daripada aspek Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Formula segar bagi mewujudkan lebih banyak *rooms of employment*, dengan izin, dalam bidang kemahiran dan profesional, khusus dalam GLC wajar dirangka oleh kerajaan.

Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan bukanlah didirikan untuk memuaskan nafsu politik wakil-wakil rakyat tertentu yang tidak pernah cukup dengan apa yang dimiliki mereka. Sebaliknya, sebagai ketua yang dilantik untuk mempengerusikan sesebuah syarikat atau agensi kerajaan, usaha-usaha ke arah mencipta peluang ekonomi kepada rakyat seharusnya dijadikan paksi utama, lebih-lebih lagi dalam senario ekonomi negara yang tidak begitu stabil. Sewajarnya inisiatif MySTEP difokuskan untuk menyediakan peluang pekerjaan secara tetap dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, khususnya yang diletakkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan seperti FELCRA Berhad.

Sebagai cadangan pertama bagi ucapan belanjawan saya ini, saya mencadangkan agar MySTEP dapat dijadikan sebuah *employment initiative* yang membuka sekurang-kurangnya 10 ribu peluang pekerjaan dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang berorientasikan keuntungan. Bagi mencapai hasrat tersebut, mereka yang berumur 55 tahun ke atas yang masih bekerja dalam GLC akan digalakkan bersara. Dari hari pertama permohonan persaraan mereka diluluskan oleh pengurusan sumber manusia, mereka dibolehkan bekerja sehingga tempoh selama 12 tahun. Di mana sepanjang tempoh itu, mereka diberikan peranan sebagai mentor untuk melatih kakitangan baharu yang diserap menerusi MySTEP.

Keprihatinan kemanusiaan terhadap mereka yang digalakkan bersara juga wajar dititik beratkan. Oleh itu, saya cadangkan agar diwujudkan peruntukan khas sebagai sugu hati persaraan atau *retirement gift* sekurang-kurangnya sebanyak 18 bulan gaji untuk mereka yang berpendapatan RM2,500 dan ke bawah. Dengan kata lain, mereka yang tersenarai dalam golongan yang digalakkan bersara yang gaji akhirnya sebanyak RM2,500 akan menerima sugu hati sebanyak RM45 ribu yang akan dibayar secara bulanan selama 18 bulan, dari bulan pertama individu itu bersara.

Di sebalik pelaksanaan tersebut, sekiranya direalisasikan, sesebuah GLC bukan sahaja dapat menyediakan peluang ekonomi menerusi pekerjaan kepada graduan baharu dan mereka yang dibuang kerja oleh majikan swasta, malah mereka yang bersara juga dapat disediakan dengan bekalan kewangan berkelangsungan ekonomi mereka pasca persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perihal penjimatan, pada asalnya saya jangkakan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memuatkan dalam ucapan belanjawan perihal pemotongan emolumen atau saraan ahli-ahli kedua majlis Parlimen khususnya Ahli Dewan Negara seperti kita. Sehubungan dengan itu, saya dengan rendah diri, ingin mencadangkan gara pindaan seksyen 3, subseksyen 1 [*Akta 237*] iaitu Ahli Parlimen (Saraan) 1980 untuk memperuntukkan pengurangan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara sekurang-kurangnya sebanyak 10 peratus dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Bagi saya... [*Disampuk*] Terima kasih. Bagi saya tiada masalah sekiranya pengurangan elaun bulanan Ahli Parlimen dilaksanakan bagi menzahirkan keprihatinan kita-Ahli-ahli Parlimen kepada rakyat, asalkan pemotongan tersebut dapat dimanfaatkan untuk peruntukan-peruntukan tertentu yang boleh mengubati derita kemiskinan rakyat khususnya di luar bandar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau- Pengerusi sini, jadi boleh pandang sini.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Oh. *I thought from there the sound.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Saya minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dua minit ini, tidak masuk dalam perkiraan masa, tidak mengapa.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Lima minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau betul serius pandangan itu, dan jika Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mahu ini dilaksanakan, satu usul boleh dibuat.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul itu boleh kita fikirkan bagaimana. Jadi kalau itu dapat dilunaskan, Senator mempelopori satu jalan yang sangat mulia... [*Tepuk*] Terima kasih.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, setuju. Sektor pendidikan dan latihan swasta menyumbang RM40 bilion ke arah ekonomi negara. Ia harus menerima beberapa bentuk peruntukan untuk memastikan industri ini terus bertahan, dan dapat dikembangkan untuk masa hadapan. Negara tidak harus melihat sektor pendidikan swasta gulung tikar.

Institusi berlesen harus diberikan geran yang sepadan untuk mengubah kursus mereka agar lebih sesuai dengan mod pembelajaran dalam talian. Sektor ini tidak dibantu selama 60 tahun terakhir, walaupun memenuhi lebih daripada 50 peratus pelajar Malaysia dalam pendidikan tinggi. Sektor swasta banyak bergantung kepada bayaran yang dikenakan

sebagai pendapatannya. Oleh sebab kenaikan kos operasi, kemampuan dan akses menjadi cabaran besar bagi ibu bapa kerana tidak ada subsidi atau insentif yang mencukupi untuk menampung kenaikan kos.

Mengapa tidak dihapuskan sahaja *withholding tax of 10 percent*, dengan izin, yang dikenakan ke atas pembayaran yang dibuat kepada syarikat asing untuk pembaharuan lesen, yuran penyelenggaraan perisian dan yuran langganan jurnal kerana memenuhi syarat sebagai pembayaran royalti yang dikenakan.

Setiap tahun Tuan Yang di-Pertua, beratus-beratus pelajar lulus dari universiti awam, universiti swasta, tempatan dan luar negara. Dalam bidang perubatan, pelajar-pelajar ini wajib melakukan *housemanship* selama setahun atau lebih untuk mendapatkan lesen profesional mereka untuk melatih. Pelajar mesti menunggu lebih setahun hingga dua tahun untuk mendapat tempat di hospital kerajaan. Malangnya, hospital kerajaan tidak mempunyai kapasiti untuk menampung mereka. Bajet 2021 harus lebih fokus keperluan ini dengan membina lebih banyak hospital yang mempunyai kelengkapan.

Kerajaan harus memberi insentif kepada hospital swasta untuk mengambil graduan untuk melakukan *housemanship* atau *provisionally registered pharmacist (PRP)* atau ahli farmasi berdaftar sementara. Ini akan mengurangkan beban kerajaan. Contohnya, di Negeri Sembilan terdapat kira-kira tujuh buah hospital swasta tetapi hanya sebuah yang diberikan untuk melakukan program PRP. Ini juga berlaku untuk farmasi runcit atau farmasi komuniti. Kualiti tidak boleh dikompromikan, jadi kerajaan boleh memberi garis panduan untuk hospital-hospital ini mesti dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perihal kebajikan polis yang turut merangkumi fasiliti serta pembangunan balai polis. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, bulan lalu saya telah pergi ke Balai Polis Melaka Tengah (IPD)- izinkan dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, tadi saya curi dua minit.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, bulan lalu saya telah pergi ke Balai Polis Melaka Tengah (IPD) Cawangan Trafik atas urusan tertentu. Saya amat bersimpati dengan para anggota polis di situ kerana terpaksa bekerja dalam keadaan struktur bangunan yang tidak dilengkapi dengan sistem saliran yang baik sehinggakan balai mereka dinaiki air ketika hujan lebat. Saya ada video, kalau Yang Berhormat Menteri hendak tengok.

Tentu sekali apabila perkara sebegini berlaku, ia akan menyukarkan urusan kerja seharian pada anggota polis lebih-lebih lagi yang melibatkan urusan yang memerlukan interaksi dengan orang awam. Perkara seperti ini boleh menjejaskan kualiti kerja anggota polis dan juga merupakan pejuang barisan hadapan kita.

Kerajaan wajar memberi tumpuan kepada soal penyediaan peruntukan bagi menaik taraf balai-balai polis yang sedia ada khususnya balai yang sudah lama yang tidak diubahsuai seperti IPD Jelebu, IPD Tampin, IPD Alor Gajah dan sebagainya, semua cawangan trafik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih lah sebut Jelebu itu.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Saya selalu ada urusan di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari sudah pukul 2 petang. Buat kesimpulan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya. Balai polis yang menjadi rumah pertama para anggota polis yang sedia berkhidmat tidak wajar direndahkan daripada segi aspek penambahan oleh kerajaan. Tidak seperti kebanyakan profesion lain, menjadi seseorang pegawai polis memerlukan komitmen kerja yang tinggi setiap waktu, siang dan malam dan sudah tentu tempat kerja mereka disediakan dengan ruang serta persekitaran yang kondusif bagi memastikan khidmat bakti mereka benar-benar. Daripada kerajaan berbelanja besar untuk J-KOM, lebih baik peruntukan tersebut disalurkan untuk tujuan menaik taraf bangunan-bangunan lama polis di seluruh negara.

Ada banyak, tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** ...Sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Saya berharap segala inti pati yang telah disuarakan dalam ucapan ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan untuk direalisasikan pelaksanaannya. Walaupun saya belum habis perbahasan, ada lagi empat perkara, tetapi masa tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh disampaikan perkara-perkara yang berbaki itu kepada pihak yang berkaitan. Jadi, kita akan ambil pemerhatiannya supaya dimasukkan dalam *Hansard*. Ini akan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu perkara yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat fikirkan iaitu dana tradisional membantu para Senator dalam menjalankan tugasnya, yang dahulu diberi menurut beberapa nisbah tertentu. Mungkin dalam perbahasan esok, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membangkitkan perkara itu supaya selaras dengan kerja kita sebagai para Senator dan dapat dijalankan satu pemerhatian yang lebih saksama.

Berkaitan dengan apa-apa usul yang bukan kerajaan ingin buat, saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 14(3), silalah teliti peraturan itu dan jika ada apa-apa usul dari yang bukan kerajaan, bagi Senat ataupun Dewan Negara ia tidak sama dengan Dewan Rakyat, dan itu boleh digunakan untuk apa-apa kepentingan tanah air dan rakyat sekali.

Dengan penyampaian itu, saya beralih kepada perkara terakhir iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memberi makluman Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis- yakni esok, 17 Disember 2020.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.03 petang]*